

Jabatan Antropologi dan Sosiologi
No. Kolej: 84 Fa
No. Perorangan: T 6914
Tarikh: 12/84

URBANISASI DAN KEKELUARGAAN:
SATU TINJAUAN ANTROPOLOGI

Fazilah Bte Ariff
No. Matrik 041086

Latihan Ilmiah Fazilah
Bagi Memenuhi Sebahagian
Dari Padanya Syarat-syarat Untuk
Ijazah Sarjana Muda Sastera

Jabatan Antropologi dan Sosiologi
Universiti Malaya
Kuala Lumpur

Sesi 1984

KANDUNGAN

Muka Surat

PENGHARGAAN

3.(c)(1) Insitusi agama dan kepercayaan	iv
PETA	i - iv
3.(c)(2) Geografi	v - vi
SINOPSIS	
3.(c)(4) Institusi sivil	

BAB I: PENDAHULUAN

1.1 Tujuan Kajian	1
1.2 Bidang Kajian	2
1.3 Kaedah Kajian	3
1.4 Kesulitan ketika kajian	7
1.5 (a) Latar belakang kedudukan geografi dan sejarah perkembangan kampung			9
1.5 (b) Kemudahan sosial	12

BAB II: RANGKA TEORI DAN KONSEP

2. (a) Urbanisasi dan Urbanisma	...	15
2. (b) Famili dan Kekeluargaan	...	17
2. (c) Urbanisasi dan Kekeluargaan	...	21

BAB III: PROSES URBANISASI DI KAMPUNG JANA BARU

3. (a) Ekonomi	...	27
3.(a)(1) Pendapatan	...	31
3.(a)(2) Harta dan Hak Milik	...	37
3.(b) Bentuk Rumah	...	42

Muka Surat

3. (c) Organisasi Sosial	...	43
3.(c)(1) Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK)		44
3.(c)(2) Institusi ugama dan kepercayaan		46
3.(c)(3) Gotong-royong	...	48
3.(c)(4) Institusi tidak rasmi	...	50

BAB IV: KEKELUARGAAN

4. (a) Keluarga dan rumah tangga di Kampung Jana Baru	54
4. (b) Hubungan di dalam rumah tangga	65

BAB V: RUMUSAN 71

BIBLIOGRAFI

LAMPIRAN

Peta I. Peta Negeri Perak menunjukkan daerah-daerah.




PERAK


1960

Scale 12 Miles to an Inch



MUKIM TAI PING





Free Occupied Land
Industrial Estate
Existing
Proposed
Industrial Estate
Land can be developed on request and can be ready for decumulation within 3 months of request.
The phase of development of these planned industrial estates is subject to social & economic considerations.

Proposed Industrial Estate

SINOPSIS

Kajian ini adalah merupakan satu kajian kes yang bertujuan untuk melihat samada urbanisasi dan perindustrian telah membawa kesan kepada penduduk yang dikaji terutamanya ke atas aspek kekeluargaan di Kampung Jana Baru. Kajian ini dibahagikan kepada lima bab. Bab yang pertama menerangkan tujuan kajian, bidang kajian, kaedah kajian, kesulitan yang dihadapi ketika melakukan kajian, kedudukan geografi serta latar belakang sejarah perkembangan kampung dan kemudahan sosial yang dibekalkan untuk penduduk-penduduk di sini.

Bab kedua menjelaskan tentang konsep dan rangka teori urbanisasi, urbanisma dan konsep kekeluargaan yang berkaitan dengan kawasan kajian. Bab ketiga pula memperkatakan tentang proses urbanisasi yang berlaku di Kampung Jana Baru dengan tumpuan kepada aspek sosio-ekonomi penduduk misalnya jenis-jenis pekerjaan, pendapatan, pemilikan harta, bentuk rumah serta organisasi sosial yang ujud.

Bab keempat membincangkan mengenai famili dan kekeluargaan, misalnya dari segi sikap, nilai dan pandangan ibubapa terhadap anak-anak. Di samping itu pengkaji menerangkan tentang bentuk rumahtangga yang ujud, hubungan ahli-ahli di dalam rumahtangga serta hubungan ahli-ahli keluarga ini dengan ahli-ahli yang tinggal di luar Kampung Jana Baru. Pengkaji juga menjelaskan tentang bentuk famili yang ada kini dan sebab-sebab kenapa ianya berlaku.

Dalam bab kelima, pengkaji membuat penganalisaan serta rumusan mengenai kaitan yang ujud di antara urbanisasi dan kekeluargaan. Pengkaji cuba membuktikan samada urbanisasi benar-benar mempengaruhi corak dan hubungan kekeluargaan khususnya di kalangan penduduk yang dikaji. Pengkaji juga cuba membuktikan samada teori-teori yang telah dikemukakan oleh Wirth dan Redfield itu dapat diaplikasikan ke dalam komuniti di Kampung Jana Baru ini.

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Tujuan Kajian

Tujuan utama kajian ini ialah untuk melihat dan menerangkan kaitan di antara urbanisasi dan kekeluargaan di kalangan penduduk Kampung Jana Baru yang kini sedang mengalami proses perindustrian dan urbanisasi. Pengkaji cuba melihat sejauh manakah urbanisasi yang berlaku di kampung ini telah mengubah corak dan hubungan kekeluargaan. Adakah struktur kekeluargaan dan perhubungan di antara ahli-ahli di dalam sesebuah rumah tangga itu juga akan berubah? Di samping itu juga, pengkaji akan melihat sebab-sebab berlakunya perubahan dan kesannya ke atas penduduk kampung ini yang kesemuanya terdiri daripada masyarakat Melayu.

Pengkaji cuba meninjau sejauh manakah benarnya pendapat-pendapat yang dikemukakan oleh sarjana-sarjana Antropologi dan Sosiologi seperti Louis Wirth, Robert Redfield, William Goode dan lain-lain yang mengatakan bahawa urbanisasi menyebabkan berlakunya perubahan terhadap individu serta hubungan individu dengan masyarakat keseluruhannya dan juga perubahan di dalam bentuk famili iaitu daripada keluarga besar bertukar menjadi keluarga asas. Masalah-masalah yang dikaji merangkumi soal-soal seperti bentuk rumah tangga, hubungan di antara ahli-ahli di dalam satu rumah, dan hubungan di antara ahli-ahli dalam satu rumah-tangga dengan jiran-jiran sekeliling mereka.

Adalah diharapkan kajian ini dapat membantu pentadbir, perancang serta para pelajar memahami perubahan-perubahan yang berlaku serta kesannya terhadap penduduk yang tinggal berhampiran dengan bandar dari segi hubungan kekeluargaan, sosial dan corak hidup penduduk yang dikaji.

1.2 Bidang Kajian

Kajian ini bertujuan untuk melihat kesan urbanisasi ke atas aspek kekeluargaan penduduk di Kampung Jana Baru, Kamunting, Taiping, Perak. Oleh kerana kampung ini merupakan tempat tinggal pengkaji sendiri, maka ini memudahkan pengkaji untuk mencari responden serta menghubungi orang-orang tertentu untuk mendapatkan maklumat. Kampung ini telah mula diresapi oleh unsur-unsur urbanisma, misalnya kini terdapat lebih kurang dua puluh lima buah kilang perindustrian seperti kilang kain (textiles), kilang membuat alat-alat elektrik, kilang jam dan lain-lain lagi. Kawasan perindustrian ini terletak di Kamunting iaitu kira-kira satu setengah batu dari kampung ini dan kawasan perindustrian ini telah mula dibangunkan pada tahun 1967. Oleh itu terdapat ramai juga pekerja yang berhijrah ke sini untuk bekerja. Terdapat juga penghijrah yang telah berkeluarga menetap terus di kampung ini.

Kajian ini dibahagikan kepada beberapa bab tertentu seperti berikut:

Bab pertama: Pendahuluan yang menerangkan tentang tujuan

kajian, bidang kajian, kaedah kajian, kesulitan yang dihadapi ketika kajian dilakukan, kedudukan geografi dan sejarah perkembangan kampung serta kemudahan-kemudahan sosial yang terdapat di sini.

Bab kedua: Penjelasan tentang konsep dan rangka teori urbanisasi dan kekeluargaan yang dikaitkan dengan kawasan yang dikaji.

Bab ketiga: Proses urbanisasi di Kampung Jana Baru yang membincangkan aspek sosio-ekonomi seperti jenis-jenis pekerjaan, pendapatan, harta dan hak milik, taraf hidup, bentuk rumah, organisasi sosial dan lain-lain lagi.

Bab keempat: Membincangkan mengenai famili dan kekeluargaan iaitu dari segi nilai, sikap dan pandangan ibubapa terhadap anak-anak dan juga akan dibincangkan mengenai bentuk rumah tangga yang ujud, hubungan di dalam rumah tangga serta hubungan dengan ahli-ahli keluarga yang tidak tinggal di Kampung Jana Baru. Selain dari itu, akan dibincangkan tentang bentuk famili yang ujud pada masa kini dan sebab-sebab ini berlaku.

Bab kelima: Menganalisa serta membuat rumusan mengenai kaitan yang ujud di antara urbanisasi dan kekeluargaan. Sejauh manakah dapat dikatakan urbanisasi mempengaruhi corak dan hubungan kekeluargaan dan adakah urbanisasi melahirkan manusia yang mementingkan kebendaan?

1.3 Kaedah Kajian

Oleh kerana kajian ini adalah kajian Antropologi, maka

'sample' untuk kajian adalah kecil bilangannya iaitu lima puluh buah rumahtangga di mana responden yang disoal terdiri daripada ketua keluarga lelaki atau perempuan. Kampung Jana Baru ini terbahagi kepada empat lorong yang dikenali sebagai lorong satu, dua, tiga dan empat dan 'sample' sebanyak lima puluh buah rumahtangga itu telah diambil daripada keempat lorong tersebut. Kajian ini lebih bersifat kualitatif dan pengkaji telah menggunakan beberapa kaedah semasa melakukan kajian. Kaedah kajian yang dilakukan adalah seperti berikut:

(a) Pemerhatian serta penyertaan pemerhatian

Pemerhatian dilakukan ketika kajian, misalnya semasa melakukan temubual dan soalselidik. Dengan cara ini, pengkaji sendiri dapat memerhati geraklaku responden, cara responden memberikan jawapan serta dapat diperhatikan keadaan di dalam dan di sekeliling rumah responden. Kaedah ini juga digunakan sebagai 'counter-checking' kepada maklumat yang didapati daripada kaedah lain. Pengkaji dapat memastikan samada jawapan yang diberikan oleh responden adalah selaras dengan keadaan sebenar responden itu sendiri.

Kaedah penyertaan pemerhatian pula digunakan untuk mendapatkan maklumat mengenai penduduk di kawasan yang dikaji terutama untuk melihat samada responden melakukan interaksi sesama mereka, bagaimana cara mereka berinteraksi serta memerhatikan kegiatan mereka sehari-hari. Melalui kaedah ini juga, pengkaji dapat melihat sendiri interaksi yang ujud di antara ahli-ahli di dalam sebuah rumahtangga serta

hubungan mereka dengan jiran-jiran sekeliling.

Oleh kerana kampung ini merupakan tempat tinggal pengkaji itu sendiri, maka kaedah ini dapat digunakan dengan mudah. Pengkaji mengenali sebahagian besar daripada penduduk yang dikaji dan oleh itu tidak banyak kesulitan yang dihadapi ketika kajian dilakukan. Pengkaji dapat melihat aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh penduduk kampung dan malah pengkaji sendiri berpeluang menyertai beberapa kegiatan misalnya dalam majlis keramaian seperti kenduri kahwin, kenduri kesyukuran, menziarahi jiran yang meninggal dunia dan lain-lain lagi. Pengkaji juga berpeluang menyertai kumpulan mereka dan berbual-bual kosong di tempat mereka berkumpul. Melalui cara ini, pengkaji dapat sedikit sebanyak memahami cara hidup dan masalah mereka.

(b) Temubual

Kaedah ini dapat membantu pengkaji ketika melakukan kajian dengan menggunakan borang soalselidik. Dalam temubual yang dilakukan itu, secara tidak langsung pengkaji dapat mengesan perkara-perkara tertentu yang terdapat dalam borang soalselidik, misalnya soalan kenapa tidak menyertai sebarang persatuan, kenapa tidak menyokong sebarang parti dan lain-lain lagi. Kaedah ini penting kerana dengan ini responden tidak terikat dengan soalan-soalan yang khusus seperti yang terdapat di dalam borang soalselidik. Pengkaji juga telah menemui ramah beberapa orang tokoh yang berkaitan dengan kampung ini seperti Ketua kampung, Penghulu Mukim dan penduduk-penduduk yang mula-mula

tiba ke kampung ini. Ini adalah untuk mengetahui latar belakang dan sejarah pembukaan kampung tersebut.

(c) Soalselidik

Melalui kaedah ini, dapat dikumpulkan keterangan-keterangan yang meliputi soal-soal seperti latar belakang responden dan keluarga, pekerjaan, pendapatan, harta dan hak milik dan sebagainya. Kaedah ini juga dapat memastikan agar responden hanya memberikan jawapan yang berkaitan dengan topik kajian sahaja. Di samping itu juga, kaedah ini dapat menjimatkan masa dan tenaga responden serta memberi peluang kepada responden berfikir terlebih dulu sebelum memberikan apa-apa jawapan.

Soalselidik ini terbahagi kepada dua bentuk iaitu soalselidik bentuk terhad dan soalselidik bentuk bebas. Soalselidik bentuk bebas memberikan peluang kepada responden untuk menyuarakan apa juu pendapat mereka secara bebas. Pengkaji telah mendapatkan responden yang terdiri daripada ketua kampung lelaki atau perempuan daripada lima puluh buah rumah tangga di dalam kampung ini. Pengendalian soalselidik ini dilakukan oleh pengkaji sendiri untuk mengelakkan berlakunya kesulitan untuk memahami soalan di pihak responden. Walau bagaimanapun, ada kesesekes tertentu di mana responden sendiri yang mengisikan borang soalselidik setelah diberi penerangan oleh pengkaji.

Pada keseluruhannya, responden tidak menghadapi banyak masalah ketika menjawab soalan-soalan kerana soalan-soalan tersebut

mudah difahami.

1.4 Kesulitan Yang Dihadapi Ketika Kajian

Ada beberapa kesulitan yang dihadapi oleh pengkaji semasa melakukan kajian, di antaranya ialah kesukaran untuk menemui beberapa orang responden. Ini adalah kerana di antara rumah tangga di sini ada pasangan suami isteri yang bekerja di waktu siang dan oleh itu mereka sukar ditemui. Pada hari-hari cuti pula, ada di antara mereka ini yang bukan berasal dari Kampung Jana Baru ini yang pulang ke kampung asal masing-masing. Bagi mengatasi masalah ini, pengkaji melakukan kajian di sebelah malam bila responden biasanya berada di rumah.

Kesulitan lain yang dihadapi oleh pengkaji ialah untuk mendapatkan maklumat dan jawapan yang terang dan ikhlas daripada responden-responden. Pada masa mula-mula kajian dilakukan, terdapat beberapa orang responden yang merasa ragu dan prasangka terhadap pengkaji dan tujuan sebenarnya dilakukan kajian ini. Ada juga responden yang menyangka bahawa pengkaji sedang melakukan kajian benci penduduk bagi pihak kerajaan dan oleh itu mereka teragak-agak untuk memberikan jawapan sebenarnya. Keadaan ini dapat diatasi setelah tujuan dan pengenalan diri pengkaji diketahui oleh responden.

Sewaktu kajian dilakukan juga, timbul kesulitan apabila responden tidak memberitahu jawapan yang sebenarnya dan ada di antara responden yang memberikan jawapan yang kurang tepat. Ini berlaku terutamanya pada soalan-soalan yang menyentuh soal-soal peribadi mereka

seperti pendapatan, bilangan rumah sewa yang dimiliki, jumlah wang yang diberi oleh anak-anak dan lain-lain lagi. Mereka tidak mahu hal seperti ini diketahui oleh orang lain. Walau bagaimanapun, masalah ini dapat diatasi setelah pengkaji meyakinkan responden bahawa segala keterangan yang diambil adalah semata-mata untuk kajian ilmiah dan segala data serta maklumat yang didapati itu adalah rahsia dan tidak akan diketahui oleh orang lain.

Dalam beberapa kes tertentu di mana sukar untuk menemui responden terutamanya yang kedua suami isteri bekerja, maka pengkaji telah meninggalkan borang soalselidik kepada ahli-ahli lain dalam rumah tangga tersebut serta memberikan penjelasan mengenai soalan-soalan yang dikemukakan itu. Kesulitan timbul apabila ada di antara responden tersebut yang lambat mengembalikan borang tersebut dan ada juga borang soalselidik itu yang tidak diisi sepenuhnya. Ini menyukarkan pengkaji untuk menganalisa data kelak kerana keterangan yang tidak lengkap. Oleh itu pengkaji terpaksa pergi semula ke rumah responden tersebut,

Kesulitan lain yang dihadapi oleh pengkaji ialah semasa hendak menemuramah bekas Ketua Kampung dan Ketua Kampung ini. Pengkaji terpaksa berulang-alik sebanyak tiga kali ke rumah Ketua Kampung sebelum berpeluang berjumpa dan menemuramah beliau. Ini adalah kerana beliau sibuk dengan urusan pentadbiran kampung di samping mengendalikan perniagaannya. Pengkaji juga terpaksa berulang-alik sebanyak dua kali sebelum dapat bertemu dengan bekas Ketua Kampung yang pertama

kerana beliau jarang ada di rumah kerana kerap pulang ke rumah asalnya di Bukit Jana Baru. Beliau hanya datang menziarahi anaknya dan tinggal untuk beberapa hari sahaja. Walau bagaimanapun, pengkaji bernasib baik dapat bertemu dengan beliau yang banyak memberikan keterangan tentang sejarah pembukaan Kampung Jana Baru ini.

Tujuan pengkaji menemui Ketua Kampung dan bekas Ketua Kampung itu adalah untuk mendapatkan maklumat tentang sejarah pembukaan kampung serta perkembangannya dahulu hingga kini. Ini adalah kerana sememangnya tidak ada data ataupun laporan bertulis yang sah mengenai sejarah pembukaan kampung ini. Hasil daripada temuramah pengkaji dengan kedua tokoh di atas serta penduduk-penduduk yang mula-mula tiba ke kampung ini, kesulitan itu dapat di atasi. Pada keseluruhannya, kerjasama yang diberikan oleh penduduk-penduduk di kampung ini adalah memuaskan.

1.5 Latar Belakang Tempat Kajian

(a) Kedudukan Geografi dan Sejarah Perkembangan Kampung Jana Baru

Kampung Jana Baru adalah merupakan sebuah perkampungan orang-orang Melayu sejak mula pembukaannya dahulu. Kampung Jana Baru terletak kira-kira tiga batu menghala ke Barat Laut bandar Taiping. Terdapat beberapa kampung lain yang berdekatan yang dikenali sebagai Kampung Pinang dan Kampung Jana Sambungan. Kampung Jana Sambungan adalah merupakan kawasan tambahan kepada Kampung Jana Baru. Kira-kira satu setengah batu dari sini terdapat sebuah pekan kecil yang dikenali

sebagai Kamunting dan di sini terdapat berbagai kemudahan seperti kedai-kedai runcit, masjid, pejabat pos dan pasar minggu yang biasanya diadakan pada tiap-tiap hari Ahad.

Tarikh tepat bila kampung ini dibuka tidak begitu pasti kerana kurangnya data dan bukti sejarah yang bertulis mengenai kampung ini. Walau bagaimanapun, menurut bekas ketua kampung yang bertanggung-jawab membuka kampung ini iaitu Haji Din bin Chik, Kampung Jana Baru telah dibuka dalam tahun 1950 ketika berlakunya darurat di bawah pemerintahan British. Penduduk-penduduk yang mula-mula menetap di sini sebenarnya seperti juga Haji Din Chik berasal dari tempat lain yang dikenali sebagai Bukit Jana yang terletak kira-kira dua batu dari kampung ini.

Perpindahan penduduk tersebut adalah atas arahan pihak pemerintah British yang menggesa sebahagian besar penduduk Bukit Jana itu berpindah ke kawasan perkampungan baru yang dikhaskan untuk orang-orang Melayu (Malay Reservation Area). Ini adalah kerana pihak pemerintah British khuatir akan pengaruh komunis yang dikatakan semakin merebak di kawasan Bukit Jana tersebut. Jadi nama Kampung Jana Baru adalah nama yang diambil dari nama Bukit Jana itu. Menurut Haji Din Chik yang memberikan nama Kampung Jana Baru itu, perkataan 'Jana' sebenarnya berasal dari nama salah seorang penduduk tua di Bukit Jana yang berasal dari Indonesia. Oleh kerana kawasan yang mereka pindah itu merupakan kawasan yang baru, maka kampung tersebut telah dinamakan Kampung Jana Baru dan nama ini kekal sehingga kini.

Setelah berakhirnya darurat pada tahun 1960 maka ada di antara penduduk yang mendatang ini pulang semula ke Bukit Jana manakala ada juga yang terus menetap di sini. Lama-kelamaan penduduk kampung ini bertambah dengan adanya kemasukan orang-orang luar yang terus menetap di sini. Penubuhan kampung ini pada mulanya adalah secara semulajadi iaitu tidak dirancangkan oleh penduduk. Kalau dulunya kawasan Kampung Jana Baru merupakan kawasan yang dipenuhi oleh hutan belantara tetapi lama-kelamaan kawasan ini telah diterangi dan kini dipenuhi oleh rumah-rumah. Kampung ini juga telah berkembang pesat dengan adanya berbagai kemudahan asas di samping berlakunya pertambahan penduduk terutamanya orang-orang luar yang kemudiannya menetap terus di sini.

Kini setelah kampung ini berusia kira-kira tiga puluh empat tahun, terdapat berbagai perubahan yang meresap masuk ke sini. Kalau dulunya terdapat berbagai kekurangan tetapi kini terdapat berbagai kemudahan infrastruktur yang disediakan oleh kerajaan seperti bekalan air dan elektrik, jalanraya, pengangkutan, pejabat pos dan lain-lain lagi untuk kegunaan penduduk di sini. Sekarang bilangan penduduk di kampung ini juga bertambah. Menurut data banci penduduk tahun 1983, kini terdapat sebanyak enam ratus empat puluh empat buah rumah yang meliputi lorong satu, dua, tiga dan empat di Kampung Jana Baru. Bilangan penduduk pula adalah kira-kira dua ribu lapan ratus orang.

Ada seorang ketua kampung yang bertanggungjawab menjaga ketenteraman dan keselesaan penduduk-penduduk kampung ini serta

kampung yang berhampiran iaitu Kampung Pinang dan Kampung Jana Sambungan. Di dalam melaksanakan tugasnya, Ketua Kampung dibantu oleh sebuah badan yang dikenali sebagai Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) yang terdiri dari orang-orang kampung ini sendiri. Badan ini bertanggungjawab mengendalikan hal ehwal kebajikan kesemua penduduk di kampung ini.

Daripada data-data kajian, didapati kira-kira tiga puluh lapan daripada responden merupakan penduduk tempatan ataupun orang yang mula-mula menetap di sini semenjak pembukaan kampung ini. Maka yang selebihnya iaitu kira-kira dua belas orang lagi adalah merupakan orang-orang mendatang yang berhijrah ke sini. Biasanya mereka tidak tinggal tetap di sini tetapi hanya menduduki rumah-rumah sewa di sekitar kampung ini, terutamanya yang bertugas sebagai anggota tentera. Kebanyakan daripada penduduk yang dikaji berasal daripada tempat-tempat yang berlainan dan mempunyai pelbagai pekerjaan samada di sektor awam ataupun swasta dan ada juga yang bertugas di luar kampung ini. (sila lihat Bab 3).

1.5 (b) Kemudahan Sosial

Di Kampung Jana Baru merupakan kawasan yang sedang mengalami proses pembangunan. Ini dapat dilihat secara jelas dengan adanya rancangan-rancangan pembangunan yang dijalankan dari aspek sosial, ekonomi dan politik. Di Kampung Jana Baru kini terdapat berbagai kemudahan asas seperti bekalan air dan elektrik, jalanraya, pengangkutan, dan lain-lain yang telah lama diperolehi. Penduduk di sini kebanyakannya

dapat menikmati barang-barang mewah seperti radio, televisyen dan lain-lain alat elektrik.

Di kampung ini terdapat dua buah sekolah rendah iaitu Sekolah Rendah Long Jaafar dan Sekolah Rendah All Saints'. Manakala ada sebuah sekolah menengah iaitu Sekolah Menengah Kamunting yang terletak di Kamunting. Kebanyakan murid-murid sekolah menengah bersekolah di sekolah-sekolah di bandar Taiping yang jauhnya kira-kira tiga batu dari sini. Berhampiran dengan kampung ini ada sebuah pekan yang kecil iaitu Kamunting dan di sini ada berbagai kemudahan seperti masjid, telefon awam, kedai-kedai runcit dan pasar minggu yang diadakan pada tiap-tiap hari Ahad dan ini merupakan pusat tarikan penduduk di kampung ini dan penduduk-penduduk yang tinggal di bandar.

Berhampiran dengan kampung ini adanya sebuah Pejabat Pos yang digunakan oleh penduduk di sini dan di sekitar Kamunting. Ada sebuah Pusat Kesihatan Kecil untuk ibu-ibu yang hamil dan kanak-kanak di samping adanya perkhidmatan bidan yang menjalankan rawatan dari rumah ke rumah bagi orang-orang yang memerlukannya. Di Kampung Jana Baru ada terdapat surau, sekolah ugama rakyat untuk pelajar sekolah rendah dan Dewan Orangramai yang merupakan tempat di mana masyarakat di kampung ini menjalankan berbagai kegiatan sosial, politik dan sebagainya, misalnya ada kelas Tadika anjuran KEMAS kelas tambahan untuk pelajar-pelajar dan kegunaan bagi Persatuan Belia kampung ini. Jadi jelas dapat dilihat bahawa Dewan Orangramai ini berfungsi sebagai pusat integrasi penduduk-penduduk tempatan di samping mendapatkan ilmu

pengetahuan.

Penduduk di sini tidak menghadapi apa-apa masalah tentang pengangkutan kerana telah sedia ada jalanraya dan sistem pengangkutan yang baik. Perkhidmatan bas pergi dan balik ke bandar Taiping bermula dari pagi hingga malam dan di samping itu ada kereta-kereta sewa yang sering keluar dan masuk ke sini. Oleh kerana jarak dari kampung ini ke bandar Taiping hanya kira-kira tiga batu sahaja, maka tidak ada kesulitan yang dihadapi untuk ke sana untuk segala urusan.

Alat-alat bergerak seperti sepeda juga hidup yang bersaiz kecil.

Agar dan Goode (1977) mendefinisi urbanisasi sebagai proses di mana masyarakat memerlukan meningkatkan bandar, Purwo dan Armano (1989, n.s., 23) menggambarkan kapan citi yang memiliki di antara bandar dan bukan bandar. Ciri-ciri tersebut ialah perkembangan, perpaduan, aktiviti komuniti, penduduk, kepelibatan, keterlibatan, perkembangan teknologi sosial, sebilangan dan sekitinya ialah ciri-ciri urbanisasi.

Pengaruh-tujuan istilah Burgess (1925; n.s., 21) pada pengertian sebuah urbanisasi adalah pertumbuhan atau peningkatan populasi daripada komuniti "rural" kepada komuniti "urban" yang merentang dari bandar ke arah luar bandar. Di samping hal itu, halalas mengatakan bahawa bandar ialah tempat tinggal di mana majoriti penduduknya terlibat dengan aktiviti-aktiviti ekonomi yang aktif daripada pertanian.

Raja Mohd. Affandi (1977, n.s., 2) mendefinisi urbanisasi

BAB II

RANGKA TEORI DAN KONSEP

2. (a) Urbanisasi dan Urbanisma

Urbanisasi bermakna proses perkembangan pembandaran manakala urbanisma pula bererti gaya hidup di bandar. Ada juga pengkaji yang menggunakan konsep urbanisasi sebagai satu proses di mana individu ataupun masyarakat diresapi oleh urbanisma. Gaya hidup di bandar dikatakan berbeza daripada gaya hidup yang terdapat di luarbandar.

Eames dan Goode (1977) mendefinasikan urbanisma sebagai proses di mana masyarakat menerima corak hidup bandar. Sorokin dan Zimmerman (1969; m.s. 13) mengumpulkan lapan ciri yang membezakan di antara bandar dan luar bandar. Ciri-ciri tersebut ialah pekerjaan, persekitaran, saiz komuniti, kepadatan, kepelbagai, keseragaman, perbezaan dan strafikasi sosial, mobiliti dan akhirnya ialah sistem interaksi.

Pengkaji lain iaitu Bergell (1955; m.s. 11) pula mengatakan bahawa urbanisasi adalah merupakan satu proses penukaran daripada kawasan 'rural' kepada kawasan 'urban' yang mendatangkan kesan ke atas ekonomi penduduk. Oleh itu, beliau mengatakan bahawa bandar ialah satu tempat tinggal di mana majoriti penduduknya terlibat dengan aktiviti=aktiviti ekonomi yang selain daripada pertanian.

Raja Mohd. Affandi (1977; m.s. 2) mentakrifkan urbanisasi

sebagai proses di mana terdapat orang-orang yang tinggal dan bekerja dalam satu kawasan yang padat serta kecil dan menjalankan aktiviti ekonomi seperti perniagaan, perindustrian dan perkhidmatan. Dalam membincangkan mengenai kehidupan di bandar, terdapat tokoh-tokoh lain seperti Louis Wirth, Reissman, Fischer dan lain lagi yang telah mengemukakan berbagai teori dan huriaian tentang urbanisasi.

Reissman mendefinasikan urbanisasi sebagai,

'..... a social change on a vast scale. It means deep and irrevocable changes that alter all sectors of a society. Apparently, the process is irreversible once begun. The impetus of urbanization upon society is such that society give way to urban institution, urban values and urban demand.'

(Reissman; 1968: m.s. 154).

Jadi unsur yang penting dalam urbanisasi di sini ialah perubahan sosial dan nilai-nilai hidup bandar.

S. Fischer (1976; m.s. 36) di dalam rencananya yang bertajuk 'Toward a sub-cultural theory of urbanism' mengatakan bahawa urbanisasi mempunyai kesan-kesan tertentu ke atas kehidupan sosial sesuatu kelompok dan muncullah berbagai sub-budaya. Menurut beliau lagi, satu sub-budaya adalah satu set nilai-nilai dan adat-adat yang berkaitan dengan subsistem yang tertentu yang ujud di dalam satu sosial dan budaya yang lebih menonjol (dominan).

Secara umumnya, dapatlah dikatakan bahawa proses urbanisasi ini berlaku dengan tiga cara iaitu:

- (a) Melalui proses migrasi dari luarbandar ke bandar
- (b) Perubahan dari segi ekonomi dan lazimnya perubahan ekonomi yang bercorak pertanian kepada ekonomi bandar bercorak perdagangan dan perindustrian
- (c) Perubahan sikap, nilai dan cara hidup luarbandar bertukar kepada nilai dan cara hidup bandar melalui berbagai cara seperti komunikasi dan media massa.

2. (b) Famili Dan Kekeluargaan

Famili pula merupakan kumpulan sosial yang paling asas dan terpenting di dalam sesuatu masyarakat. Di dalam sistem kekeluargaan, yang dipentingkan ialah hubungan biologi dan sosial seperti kata Robin Fox (1967; m.s. 33),

'.... kinship is simply the relationship between kin i.e. a person related by real, putative or fictive consanguity.'

Dalam erti kata yang lain, ahli-ahli di dalam satu kerabat ialah mereka yang ada hubungan di antara satu sama lain melalui,

- (a) Hubungan darah
- (b) Hubungan persemedaan iaitu melalui perkahwinan
- (c) Hubungan 'angkat'

Lucy Mair (1965; m.s. 71) mendefinisikan famili sebagai,

'.... a domestic group in which parents and children live together and it's elementary form consists of a couple with their children.'

Menurutnya, famili adalah kumpulan individu yang terbentuk atas dasar hubungan darah, perkahwinan dan hubungan 'angkat'. Kesemua mereka ini tinggal di dalam sebuah rumah tangga.

H.M. Johnson (1960; m.s. 155) mentakrifkan famili sebagai,

'.... a group of two or more people related by blood, marriage or adoption residing together, all such persons are considered as members of the family.'

Famili mempunyai berbagai fungsi penting, misalnya famili mengekalkan kelompok individu. Apabila individu-individu membentuk kumpulan, maka daripada ini dapatlah dibentuk sesuatu masyarakat. Famili asas biasanya bertambah bilangan ahlinya dan lama-kelamaan akan terbentuk pula famili besar. Kekeluargaan menentukan juga peranan individu seperti hak dan tanggungjawab individu serta hubungan individu di dalam keluarganya. Kekeluargaan memberikan satu ikatan sosial terhadap ahli=ahlinya. Famili juga mempunyai fungsi di dalam ugama, proses sosialisasi dan ekonomi di dalam masyarakat.

Winch pula (1963; m.s. 30) mengatakan famili adalah kelompok yang menjalankan berbagai aktiviti di dalam fungsi-fungsi masyarakat yang asas. Menurutnya lagi, famili ada fungsi yang maksima dan fungsi yang minima,

'.... the maximally functionally type would be conterminous with the society and would fulfill the economic, political, socializing + educational as well as the familial functions. The type of minimum functionality would perform no societal function except the familial one.'

Dalam kajiannya terhadap masyarakat petani di China, beliau mendapati penduduk di sini mengamalkan famili besar yang biasanya terdiri daripada suami, isteri, kesemua anak lelaki dan perempuan, menantu perempuan serta cucu-cucu mereka. Dalam sesebuah rumah itu didiami oleh beberapa generasi famili tersebut. Masyarakat petani tradisi ini amat mementingkan famili besar kerana famili mempunyai berbagai fungsi penting seperti di dalam ekonomi, politik dan sosial.

Keluarga dapat memenuhi segala keperluan asas individu dan oleh itu individu tidak perlu berhijrah ke tempat lain. Kedudukan wanita pula adalah terkongkong dan ia tidak boleh keluar meninggalkan famili orientasinya kecuali melalui perkahwinan ataupun ia dijual sebagai pelacur. Famili petani ini merupakan organisasi yang bertanggung-jawab ke atas pengagihan ekonomi dan oleh itu tidak terdapat kedai ataupun pasar di sini. Famili merupakan tempat individu berlindung dan setiap individu bertanggungjawab menjaga keluarganya.

Di samping itu juga, famili adalah sebagai pusat pembelajaran sosial dan kanak-kanak hanya memberikan tumpuan kepada apa yang berlaku di dalam famili sahaja. Bagi masyarakat petani tradisi di China ini, segala kehidupan dan kegiatan individu hanya berpusat kepada famili sahaja. Individu yang tidak tinggal bersama-sama dengan famili sahaja akan dipulaukan oleh masyarakat.

Konsep yang berkaitan dengan famili ialah rumahtangga. Ia merupakan satu unit kesatuan kemasyarakatan yang kecil. Kalau unit

famili mengandungi sekurang-kurangnya suami, isteri dan anak-anak tetapi rumah tangga ialah di mana orang-orang yang tinggal di dalam sesebuah rumah dan tidak semestinya mempunyai hubungan kekeluargaan.

Menurut Judith Djamour (1969; m.s. 33), rumah tangga ialah,

'.... as a group of people who lives in the same house and engaged in large number of common activities as well as a common budget.'

Ini bermakna sesebuah rumah tangga atau isirumah adalah satu kumpulan orang yang tinggal di dalam sebuah rumah yang sama dan melibatkan diri di dalam aktiviti harian dan berkongsi di dalam perbelanjaan biasa.

Definasi Djamour adalah sama dengan yang diberikan oleh Encyclopaedia (1968; m.s. 302) yang mentakrifkan rumah tangga,

'.... may be made up of individuals between whom no kinship ties exist but live together in one dwelling unit.'

Di sini bererti anggota-anggota yang tinggal di dalam satu rumah tangga itu tidak semestinya terdiri daripada orang-orang yang ada hubungan darah atau perkahwinan seperti suami, isteri dan anak-anak sahaja.

Sesebuah rumah tangga itu mungkin didiami oleh sebuah famili asas dan orang-orang lain yang menumpang yang tidak ada hubungan kekeluargaan langsung dengan famili asas tersebut. Rumah tangga berfungsi untuk membentuk kesatuan atau unit-unit sosial. Perkara yang membezakan unit rumah tangga dengan unit famili ialah sesebuah famili terdiri daripada beberapa unit rumah tangga yang berasingan

tetapi ahli-ahlinya ada hubungan kekeluargaan di antara satu sama lain.

2. (c) Urbanisasi dan Kekeluargaan

Setelah mengkaji konsep dan definisi urbanisasi dan kekeluargaan, maka sekarang akan dilihat pula kaitan di antara urbanisasi dan kekeluargaan khususnya di Kampung Jana Baru ini. Di dalam memperkatakan hal ini, terdapat beberapa orang pengkaji Barat seperti Louis Wirth, Robert Redfield, Oscar Lewis dan lain-lain lagi yang mempunyai pendapat yang berbeza mengenai urbanisasi dan kaitannya dengan kekeluargaan.

Louis Wirth merupakan seorang ahli sosiologi aliran 'Chicago School' di Amerika Syarikat yang telah menulis rencana berjodol 'Urbanism as a way of life' pada tahun 1938. Rencana ini merupakan satu kajian sosiologikal yang paling awal mengenai bandar. Rencana ini juga telah meninggalkan pengaruh yang luas terutamanya kepada pengkaji-pengkaji kekeluargaan dalam pertengahan kurun masihi kedua puluh.

Menurut Wirth, bandar adalah satu kawasan tempat tinggal yang tetap, mempunyai bilangan penduduk yang ramai, darjah kepadatan yang tinggi dan adanya unsur-unsur kepelbagaiannya. Ketiga-tiga ciri ini mengujudkan gaya hidup tertentu bagi penduduk di bandar. Bilangan penduduk yang ramai ini akan membawa kesan di dalam kehidupan orang-orang di bandar. Ini akan mewujudkan perbezaan besar dari segi budaya, pekerjaan, pendapatan, perlakuan dan lain-lain lagi. Orang-orang yang tinggal di bandar akan berkelompok sesama sendiri berdasarkan

persamaan dan kepentingan bersama (common interest). Menurut Wirth lagi, dalam konteks bandar, ikatan kekeluargaan dan kejiranian menjadi renggang dan tidak dipentingkan lagi.

Mobiliti sosial yang ujud di bandar tidak dapat mewujudkan perpaduan di kalangan penghuni yang sentiasa berpindah-randah. Bilangan penduduk yang ramai ini juga menyebabkan orang-orang di bandar suka mengasingkan diri dan mempunyai sikap tidak mahu menyusahkan orang lain. Individu bebas berhubung dengan sesiapa sahaja. Namun, di dalam usaha mencari kebebasan ini, kita dapatkan akan hilang rasa semangat kekitaan dan individu merasakan bahawa diri mereka tidak lagi penting dalam masyarakat.

Apabila berlakunya kepadatan yang tinggi, maka ujudlah persaingan di kalangan penghuni di bandar untuk mendapatkan ruang yang terhad. Pada zahirnya hubungan fizikal adalah rapat tetapi hubungan sosial adalah renggang, misalnya walaupun orang-orang di bandar tinggal berdekatan di antara satu sama lain, tetapi mereka tidak benar-benar mengenali jiran-jiran mereka seperti keadaan yang ujud di kampung-kampung tradisional. Di bandar, walaupun ada individu yang tinggal di kawasan yang sama serta bekerja di tempat yang sama, namun mereka tidaklah terikat secara emosi malah mereka sering bersaing untuk mencari kekayaan dan kuasa sehingga ada yang sanggup menindas orang lain demi mencapai matlamat masing-masing. Keadaan ini menyebabkan ujudnya kekacauan dan pihak pentadbir di bandar perlu mengadakan kawalan 'formal' di bandar.

Kepelbagaiannya di bandar juga mengikut Wirth menghebatkan lagi kesan yang ditimbulkan oleh kepadatan penduduk. Kepelbagaiannya seperti bangsa, pekerjaan, budaya, status sosial dan lain-lain lagi merupakan ciri hidup bandar. Mobiliti sosial yang sentiasa berlaku dari segi tempat tinggal dan pekerjaan menyebabkan masyarakat di bandar tidak dapat mempertahankan kedudukan mereka. Hubungan di antara individu adalah renggang kerana mereka tidak tinggal tetap di satu-satu tempat itu dalam jangkamasa yang panjang.

Di bandar berlaku 'depersonalization' dan ini mendorong orang-orang di bandar melibatkan diri di dalam persatuan dan menggunakan media massa untuk menyatakan hak dan kepentingan masing-masing. Wirth melihat ada perkaitan yang negatif di antara hidup bandar dan kekeluargaan. Menurut beliau, di dalam masyarakat bandar, hubungan 'primary' menjadi lemah dan orang-orang di bandar menggantikan hubungan 'primary' ini dengan hubungan sekunder yang bersifat 'impersonal', sementara dan tidak erat.

Tegasnya, urbanisasi dan juga industrialisasi meninggalkan kesan yang negatif kepada pola dan hubungan kekeluargaan. Pendapat Wirth ini banyak mempengaruhi ahli-ahli antropologi dan sosiologi selepasnya antaranya ialah Robert Redfield (1941), Talcot Parsons (1955) dan Ralph Linton (1959). Mereka sepakat mengatakan bahawa dalam masyarakat bandar, famili besarerosot kepentingannya dan famili asas yang terdiri daripada suami, isteri dan anak-anak bertambah bilangannya.

Famili asas ini menjadi terasing dari kumpulan kekeluargaan yang lebih besar dan oleh itu didapati hubungan kekeluargaan lebih terhad kepada famili asas. Ini seolah-olah berpendapat bahawa sistem kekeluargaan tidak lagi penting di bandar. Robert Redfield yang memperkatakan tentang konsep 'folk-urban continuum' cuba menonjolkan adanya perbezaan di antara masyarakat bandar dengan masyarakat di luarbandar. Menurutnya lagi, ada tiga ciri hidup bandar iaitu individualisma, sekular dan tidak tersusun (disorganized). Cara hidup bandar ini berbeza dari hidup masyarakat 'folk' yang kecil bilangannya, terpencil dan seragam. Di kampung ada perpaduan kumpulan yang kuat, teknologi yang rendah, hubungan yang 'personal' dan hubungan kekeluargaan amatlah dipentingkan. Jadi di sini gaya hidup 'folk' amat berbeza dan bertentangan daripada gaya hidup 'urban'.

Pendapat Redfield dan Wirth yang melihat bandar sebagai sesuatu yang bersifat negatif telah dikritik oleh beberapa orang tokoh antropologi dan sosiologi lainnya dan dalam pertengahan kedua kurun masihi kedua puluh ada kajian-kajian yang dijalankan di bandar-bandar di Amerika Syarikat dan Eropah. Kajian-kajian ini telah mengemukakan data-data yang membuktikan bahawa keluarga besar ujud di dalam masyarakat yang tinggal di bandar dan famili asas tidak semestinya tarasing. Di antara pengkaji-pengkaji kemudian ini ialah seperti Dotson (1951), Axelrod (1956), Greer (1956), Firth (1956), Oscar Lewis (1951) Townsend (1956) serta Young dan Willmott (1957).

Lewis yang mengkaji kekeluargaan di kalangan para penghijrah

dari desa ke bandar Mexico dalam rencananya yang bertajuk 'Further Observation On Folk-urban Continuum With Special Reference to Mexico City' (Hauser and Schrone; 1967: m.s. 491) telah mengkritik pendapat Redfield tersebut. Daripada kajiannya itu, Lewis mendapati bahawa penghijrah daripada desa ke bandar Mexico mudah menyesuaikan diri dengan gaya hidup di bandar. Kehidupan famili di bandar ini adalah boleh dikatakan stabil dan hubungan di antara ahli-ahli famili besar adalah bertambah erat. Sikap keugamaan para penghijrah berubah di mana mereka kini lebih menjadi Khatolik dan berdisiplin.

Sistem 'compadrazgo' diteruskan dan menjadi semakin kuat di samping itu ada penggunaan perubatan dan kepercayaan kampung masih dapat dipertahankan. Jadi di sini, urbanisasi tidak semestinya mengubah bentuk dan hubungan kekeluargaan penduduk yang berhijrah ke bandar. Dalam melihat kaitan di antara urbanisasi dan kekeluargaan samada positif ataupun negatif, maka Goode W.J. (1964; 1971) mengambil jalan tengah. Goode mengakui bahawa proses urbanisasi dan industrialisasi mengubah sistem kekeluargaan tradisional. Menurutnya, kalau dulunya sistem kekeluargaan tradisional mementingkan keluarga besar seperti 'clan' dan 'lineage' tetapi kelompok keluarga besar ini akan menghilang dan digantikan oleh keluarga asas.

Kalau di dalam sistem kekeluargaan tradisi itu terdapat banyak keluarga asas, maka jumlah keluarga asas ini akan menjadi lebih banyak lagi. Bagi Goode, famili asas adalah yang paling sesuai untuk masyarakat bandar. Walau bagaimanapun, di samping urbanisasi, terdapat

juga faktor-faktor lain yang membantu ke arah mewujudkan lebih banyak famili asas dan antaranya ialah kadar migrasi yang tinggi, penekanan serta pencapaian dalam pelajaran dan lain-lain lagi yang membolehkan berlakunya mobiliti sosial. Kini orang-orang di bandar lebih mementingkan keluarga asas dan bilangan anak-anak yang tidak ramai agar lebih perhatian dapat ditumpukan kepada keluarga.

Menurut Goode lagi, proses urbanisasi dan perindustrian merombak fungsi-fungsi asas famili, misalnya dalam aspek ekonomi, ugama dan sosialisasi. Sebagai rumusannya, didapati ada berbagai pendapat dan teori tentang urbanisasi dan kaitannya dengan kekeluargaan yang berbeza di antara satu sama lain. Wirth dan Redfield melihat bandar sebagai sesuatu yang bersifat negatif manakala Lewis dan Dotson pula melihat bandar dalam suatu keadaan yang seimbang iaitu adanya unsur-unsur yang positif dan negatif yang mana mempengaruhi hubungan kekeluargaan. Di dalam kajiannya terhadap komuniti setinggan di Kampung Mewah, Azizah Kassim (1984) telah membuktikan bahawa urbanisasi tidak merombak sistem kekeluargaan tradisional serta menyebabkan famili asas berkembang. Ada angkubah-angkubah lain seperti nilai, kelas dan lain-lain lagi yang memberi kesan terhadap bentuk famili dan hubungan kekeluargaan samada di luarbandar ataupun di bandar.

Maka dengan berlatarkan teori-teori yang telah dikemukakan tadi, pengkaji akan mengemukakan data-data mengenai pola-pola kekeluargaan serta hubungan kekeluargaan yang ujud di kalangan komuniti Melayu di Kampung Jana Baru. Pengkaji juga akan menganalisa data-data tersebut untuk melihat perkaitan di antara urbanisasi dan kekeluargaan.

BAB III

PROSES URBANISASI DI KAMPUNG JANA BARU

Urbanisasi seperti yang dilihat di dalam bab dua, berlaku dalam berbagai cara dan di dalam kes Kampung Jana Baru ini, ianya berlaku dengan adanya perkembangan industri dan perbandaran di daerah Taiping. Ciri urbanisasi yang paling ketara yang dapat dilihat ialah dari segi pekerjaan, pendapatan, harta dan hak milik serta organisasi sosial.

(a) Ekonomi

Kedudukan ekonomi bercorak 'makan gaji' adalah satu ciri penting yang membezakan struktur ekonomi tradisional dengan ekonomi di bandar. Ini adalah akibat daripada proses modenisasi yang berlaku dewasa ini. Kewujudan Kampung Jana Baru ini juga amat berbeza sekali daripada apa yang terdapat di dalam kampung Melayu tradisional lainnya seperti di dalam kajian Syed Husin Ali (1964) ke atas Kampung Bagan dan juga kajian Swift (1965) ke atas sebuah kampung di Jelebu. Kedua-dua kampung ini mempunyai bentuk ekonomi yang bercorak pertanian seperti bersawah padi, menanam getah dan menanam buah-buahan.

Sejak dari mula pembukaan Kampung Jana Baru ini, kesemua penduduknya tidak bergantung kepada pertanian sebagai punca pendapatan yang utama. Kalau adapun hanyalah sekadar untuk menambah pendapatan ataupun untuk mengisi masa lapang. Ini biasanya dilakukan oleh penduduk kampung yang memiliki kebun atau tanah sendiri samada di kampung ini

ataupun di luar kampung ini. Pertanian seperti padi atau getah serta buah-buahan tidak boleh dijalankan oleh kerana jumlah tanah yang dimiliki tidaklah luas dan tambahan pula tanah itu tidak sesuai untuk kegiatan pertanian. Apabila tiba musim hujan pula, banjir kerap kali berlaku di sini.

Kita dapati penduduk di kampung ini terlibat dengan berbagai jenis pekerjaan yang bercorak makan gaji samada di sektor awam ataupun swasta sementara ada juga di antara mereka yang bekerja sendiri. Di dalam Jadual 1(a), dapat dilihat klasifikasi pekerjaan di sektor awam dan sektor swasta serta jenis-jenis pekerjaan ketua keluarga daripada lima puluh buah rumah tangga yang dikaji.

Daripada data tersebut, dapat diperhatikan ada kira-kira 40% daripada ketua keluarga ini yang berkhidmat di sektor awam misalnya sebagai anggota-anggota tentera di kem-kem di Kamunting, guru dan guru ugama di sekolah-sekolah yang berhampiran dengan kampung ataupun di bandar Taiping, pegawai kerajaan dan lain-lain lagi. Daripada jumlah ini juga ada 16% daripada ketua keluarga ini yang bertugas sebagai buruh buruh am terutamanya di kem-kem tentera di Kamunting sebagai tukang masak, pemandu trak, 'batman' dan sebagainya.

Terdapat 18% daripada ketua keluarga yang berkhidmat di sektor swasta, misalnya sebagai pekerja biasa di kilang perusahaan di Kamunting, pengawal keselamatan di kilang dan firma, pemandu bas dan teksi dan lain-lain lagi. Manakala ada 16% daripada ketua keluarga yang menjalankan kerja sendiri seperti membuka restoran, kedai runcit,

menjual kuih-muih, menjual ikan, pemberong dan lain-lain lagi.

Daripada kajian juga terdapat hanya 2% daripada ketua keluarga yang menjalankan kerja-kerja sendiri yang tidak tetap pendapatannya seperti berkebun sayur dan menjaga dusun buah-buahan di tanah miliknya sendiri yang terletak di luar kampung ini.

Melalui Jadual 1(a) juga, kita dapati ada 22% daripada ketua keluarga yang dikaji itu terdiri daripada pesara-pesara yang kebanyakannya pernah berkhidmat di sektor-sektor awam dan swasta misalnya sebagai anggota tentera, guru besar, buruh am, pengawal keselamatan dan sebagainya. Daripada jumlah tersebut, 16% daripada pesara-pesara ini yang memiliki rumah sendiri manakala 6% lagi hanya merupakan penyewa sahaja. Kehidupan mereka kini bergantung kepada wang pencen yang diterima setiap bulan di samping pemberian wang oleh anak-anak yang telah bekerja. Di samping itu juga, ada di antara ketua keluarga ini yang mendapat wang dari kutipan sewa rumah setiap bulan. Ada ketua keluarga ini yang mempunyai rumah-rumah sewa di sebelah rumah dan ada juga yang memiliki rumah-rumah sewa di luar kampung ini.

Kebanyakan daripada pesara-pesara ini yang tidak melakukan apa-apa pekerjaan sampingan memenuhi masa lapang mereka dengan memasuki berbagai persatuan seperti Persatuan Kebajikan Islam (Khairat Kematian), Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung, Pertubuhan UMNO dan lain-lain lagi. Jadi di samping memenuhi masa lapang, mereka juga dapat melakukan amal kebajikan kepada penduduk kampung. Daripada lima puluh buah rumah tangga yang dikaji, terdapat 6% daripada ketua keluarga (suami)

Jadual 1(a)

Sektor Pekerjaan Dan Jenis-jenis Pekerjaan
Bagi Ketua Keluarga Di Kampung Jaba Baru

Jenis Kerja	Jumlah	Peratus (%)
1. Sektor Kerajaan		
a. Guru dan guru ugama	4	8
b. Pegawai Kerajaan	1	2
c. Tentera dan Polis	6	12
d. Buruh Am dan Mandor	8	16
e. Anggota Bomba	1	2
2. Sektor Swasta		
a. Penyelenggara Setor	1	2
b. Pengawal Keselamatan	2	4
c. Pemandu (Bas, taxi dll.)	6	12
3. Kerja Sendiri		
a. Peniaga	7	14
b. Kerja sendiri (berkebun dan menjaga dusun buah-buahan)	1	2
4. Pesara		
a. Pesara yang memiliki rumah sendiri	8	16
b. Pesara yang tidak memiliki rumah sendiri (menyewa)	3	6
5. Suri rumah tangga*	<u>2</u>	<u>4</u>
a. Jumlah	<u>50</u>	<u>100%</u>

* Suri rumah tangga ini mengantikan suami sebagai ketua keluarga yang bertanggungjawab dalam hal ehwal rumah tangga dengan bantuan kewangan daripada anak-anak yang telah bekerja. Suri rumah tangga ini mengendalikan segala perbelanjaan dalam rumah tangga tersebut.

yang telah meninggal dunia dan tanggungjawab sebagai ketua keluarga diambil-alih oleh isteri.

Ada seorang daripada isteri ini yang menjalankan penjualan kuih-muih untuk menyara kehidupan anak-anak di samping menerima bantuan kewangan daripada anak-anaknya yang telah bekerja. Manakala ada dua orang isteri lagi yang tidak bekerja tetapi mereka bertanggung-jawab sebagai ketua keluarga yang mengendalikan hal ehwal rumah tangga. Kehidupan mereka bergantung kepada anak-anak yang telah bekerja di samping menerima wang penceh suami setiap bulan.

Jadual 1(b) menunjukkan data mengenai jenis pekerjaan isteri-isteri di Kampung Jana Baru. Kita dapat bahawa terdapat hanya 20% daripada para isteri yang bekerja samada di sektor-sektor awam, swasta ataupun kerja sendiri misalnya sebagai pekerja biasa di kilang, jururawat, peniaga restoran dan sebagainya. Manakala sebahagian besar iaitu 80% daripada para isteri itu merupakan suri rumah tangga sahaja tetapi ada di antara mereka ini yang melakukan pekerjaan sambilan seperti mengambil upah menjahit, menganyam tikar, mengambil upah memasak untuk kenduri-kendara, menjual kain-kain dan lain-lain lagi. Ini sedikit sebanyak dapat menambah pendapatan keluarga di samping memenuhi masa lapang mereka.

3.(a)(1) Pendapatan

Menyentuh tentang soal pendapatan pula, daripada jadual ini, jelas dapat dilihat bahawa tiap-tiap penduduk yang selia bukan disentuh oleh setiap

Jadual 1(b)

Sektor Pekerjaan Dan Jenis Pekerjaan Bagi
Isteri-isteri di Kampung Jana Baru

Jenis Kerja	Jumlah	Peratus	Pendapatan
1. <u>Sektor Kerajaan</u>			
a. Guru	2	4	\$1,000
b. Jururawat	1	2	700
2. <u>Sektor Swasta</u>			
a. Pekerja Kilang	5	10	160 - 300
3. <u>Kerja Sendiri</u>			
a. Peniaga	2	4	200 - 700
4. <u>Suri rumahtangga</u>	40	80	-
Jumlah	50	100	-

pekerjaan masing-masing. Aspek pendapatan ini dapat dibahagikan kepada dua bahagian iaitu pendapatan ketua keluarga (PKK) dan pendapatan seisi keluarga (PSK).

Jadual 2 menunjukkan pendapatan bulanan ketua keluarga bagi lima puluh buah rumahtangga. Daripada jadual ini, jelas dapat dilihat bahawa tingkat pendapatan yang paling banyak diperolehi oleh ketua keluarga adalah di antara \$300 hingga \$399 sebulan iaitu seramai 28%

berkata sebaliknya. Pendapatan yang paling rendah ialah di antara

Jadual 2

RM1 hingga RM5 tetapi hanya 21 ahli keluarga yang seluruhnya

memperoleh gaji dan pendapatan ketua keluarga yang

paling tinggi adalah sekitar RM2,000 sehingga ahli keluarga ketua

Jumlah (\$)	Bilangan	Peratus (%)
100 - 199	1	2
200 - 299	7	14
300 - 399	14	28
400 - 499	7	14
500 - 599	8	16
600 - 699	4	8
700 - 799	3	6
800 - 899	-	-
900 - 999	-	-
1,000 - 1,099	4	8
1,100 - 1,199	1	2
Atas 2,000	1	2
Jumlah	50	100

(23). Ia adalah ketara bahawa ahli keluarga itu terdiri daripada seorang ayah tamat sekolah yang tidak mempunyai pendapatan dan berquistion kepada seorang anak-anak yang bekerja di luar kampung yang mengelihkan menghadinya setiap hari. Pendapatan seorang tamu yang paling suatu keluarga mempunyai ialah di antara RM1 hingga

daripada responden. Pendapatan yang paling rendah ialah di antara \$100 hingga \$190 tetapi hanya 2% sahaja daripada ketua keluarga yang termasuk dalam kategori ini. Manakala pendapatan yang paling tinggi diperolehi ialah melebihi \$2,000 sebulan dan hanya seorang sahaja ketua keluarga yang berpendapatan demikian.

Ketua keluarga yang memperolehi pendapatan di antara \$100 hingga \$199 itu adalah seorang suri rumahtangga yang kematian suami. Beliau mengendalikan segala urusan dalam rumahtangga dan disarai oleh anaknya yang bekerja di kilang berhampiran yang menetap bersama-sama. Di samping itu beliau juga dibantu oleh anak-anak yang tinggal di luar kampung ini. Pendapatan yang diperolehi oleh ketua keluarga yang bersara puratanya ialah di antara \$200 hingga \$2,025 sebulan mengikut jenis pekerjaan mereka sebelum bersara. Walau bagaimanapun, kita dapat sebahagian besar daripada ketua-ketua keluarga ini menyandang jawatan-jawatan bergaji kecil seperti anggota tentera, pemandu bas dan teksi, buruh-buruh am, pekerja kilang dan sebagainya.

Jadual 3 pula menunjukkan tingkat pendapatan yang diperolehi oleh seisi keluarga (PSK). Pendapatan yang paling rendah yang diperolehi oleh seisi keluarga ialah di antara \$100 hingga \$199 sebulan (2%). Ini adalah kerana ahli-ahli dalam keluarga itu terdiri daripada seorang suri rumahtangga yang tidak mempunyai apa-apa pendapatan dan bergantung kepada seorang sahaja anaknya yang bekerja di luar kampung yang mengirimkan wang kepadanya setiap bulan. Pendapatan seisi rumah yang paling ramai keluarga memperolehinya ialah di antara \$500 hingga

Jadual 3

Anggaran Pendapatan Seisi Keluarga (PSK)
Bagi Penduduk di Kampung Jana Baru

Pendapatan seisi keluarga yang paling tinggi sekali dipercikti

Anggaran Bulanan (\$)	Jumlah	Peratus (%)
100 - 199	1	2
200 - 299	3	6
300 - 399	7	14
400 - 499	2	4
500 - 599	9	18
600 - 699	3	6
700 - 799	5	10
800 - 899	5	10
900 - 999	3	6
1,000 - 1,099	3	6
1,100 - 1,199	1	2
1,200 - 1,299	2	4
1,300 - 1,399	-	-
1,400 - 1,499	-	-
1,500 - 1,599	-	-
1,600 - 1,699	1	2
Atas \$2,000	5	10
Jumlah	50	100

Untuk anda, upah sejukit dan lain-lain lagi.

\$599 di mana terdapat 18% daripada rumah tangga termasuk ke dalam kategori ini.

Pendapatan seisi keluarga yang paling tinggi sekali diperolehi ialah melebihi \$2,000 sebulan di mana terdapat 10% daripada keluarga yang berpendapatan demikian. Daripada data-data ini, kita dapat ada perbezaan yang ketara di antara keluarga yang berpendapatan rendah berbanding dengan keluarga yang berpendapatan tinggi. Pendapatan yang berbeza-beza ini bergantung kepada bilangan ahli-ahli di dalam sesebuah keluarga yang bekerja, saiz keluarga, jenis-jenis pekerjaan mereka dan juga jumlah pendapatan tiap-tiap ahli itu.

Kadangkala di dalam sesebuah famili asas itu terdapat empat atau lima orang ahli keluarga yang bekerja manakala di dalam famili besar pula ada dua atau tiga orang sahaja yang bekerja. Jadi di sini tentu saja pendapatan seisi keluarga berbeza di antara satu sama lain. Sebagai contoh di dalam famili asas Encik Mohamad terdapat tujuh orang ahli keluarga yang bekerja misalnya sebagai kerani, makanik, guru dan lain-lain lagi. Jadi dengan ini sudah tentulah pendapatan seisi keluarga adalah tinggi. Biasanya keluarga yang memperolehi pendapatan melebihi \$900 sebulan ialah yang terdiri daripada pasangan suami isteri yang bekerja dengan pendapatan yang tetap setiap bulan di samping ahli-ahli lain dalam keluarga. Di samping itu juga ada keluarga yang memperolehi pendapatan sampingan misalnya hasil daripada kutipan rumah-rumah sewa, upah menjahit dan lain-lain lagi.

Secara kasarnya bolehlah dirumuskan bahawa jenis pekerjaan, saiz keluarga dan bilangan ahli-ahli di dalam keluarga yang bekerja menentukan jumlah keseluruhan pendapatan yang berbeza bagi sebuah rumah tangga. Tingkat pendapatan yang berlainan ini menunjukkan taraf hidup yang berbeza di kalangan penduduk yang dikaji di Kampung Jana Baru. Kita dapat perubahan struktur ekonomi ini mempengaruhi struktur-struktur lain seperti sosial dan politik penduduk di sini.

3.(a)(ii) Harta dan Hak Milik

Dengan adanya bekalan elektrik sejak dulu lagi di kampung ini, maka penduduk-penduduk kampung dapat menikmati kemudahan seperti menggunakan alat-alat elektrik misalnya dapur, radio, kipas angin, televisyen dan lain-lain lagi perkakas rumah. Jadual 4(a) dan 4(b) menggambarkan harta dan hak milik lima puluh buah rumah tangga yang dikaji dan ini secara tidak langsung mempamirkan taraf dan gaya hidup mereka.

Daripada data yang ada, terdapat kira-kira 80% daripada responden yang dikaji itu memiliki tanah sendiri yang kebanyakannya mempunyai keluasan tanah seluas 60×90 kaki persegi. Seramai 50% daripada responden yang membeli tanah yang mereka duduki sekarang manakala ada kira-kira 28% daripada responden memiliki tanah mereka melalui pemberian oleh pihak kerajaan ketika kampung ini mula-mula dibuka dahulu. Hanya 2% daripada responden yang memiliki tanah secara warisan daripada keluarga.

Ada kira-kira 20% daripada responden yang tidak memiliki tanah ataupun rumah sendiri. Mereka ini merupakan orang-orang mendatang yang berhijrah ke kampung ini oleh sebab-sebab tertentu, misalnya mengikuti suami, pekerjaan, persekolahan dan lain-lain lagi. Mereka biasanya menduduki rumah-rumah sewa dengan jumlah bayaran tertentu setiap bulan kepada tuan-tuan rumah. Bayaran sewa yang dikenakan adalah berbeza-beza bergantung kepada tempat, lokasi dan keadaan rumah sewa tersebut. Rumah sewa yang terletak jauh ke dalam kampung dikenakan sewa yang rendah berbanding dengan rumah sewa yang terletak di kawasan yang berhampiran dengan jalanraya. Purata bayaran rumah-rumah sewa di kampung ini ialah di antara \$60 hingga \$100 sebulan.

Daripada jadual juga, didapati 80% daripada responden menduduki rumah sendiri manakala yang selebihnya iaitu 20% adalah merupakan penyewa sahaja. Responden yang tinggal di rumah milik sendiri kebanyakannya adalah merupakan orang-orang yang telah lama menetap di sini semenjak pembukaan kampung ini lagi.

Mengenai pemilikan jenis-jenis kenderaan, terdapat 44% daripada responden memiliki kereta, 56% responden memiliki motosikal. Manakala kenderaan basikal merupakan kenderaan yang paling banyak dimiliki oleh responden iaitu kira-kira 94% daripada mereka. Boleh dikatakan hampir di setiap rumah yang dikaji memiliki basikal malah ada responden yang memiliki 3 hingga 4 buah basikal di dalam sebuah rumah tangga. Di kampung ini, basikal merupakan kenderaan yang paling penting bagi setiap keluarga

JADUAL 4 (a) Jumlah Responden

Tanah Dan Rumah	Jumlah	Tiada Tanah	Beli	Warisan	Sewa	Kerajaan
a) Tanah	60 x 90 kaki	10	25	1	-	14
b) Kebun			7	1		
c) Rumah			40		10	

JADUAL 4 (b) Harta Dan Hak Milik Rumahtangga

	Jumlah	Jenis		Beli
a) <u>Kenderaan</u>				
i) Kereta	22	Datsun Fiat Mini	Toyota Mitsubishi	22
ii) Motosikal	28	Honda Vespa	Yamaha Suzuki	28
iii) Basikal	47	Raleigh Wrangler	Yokohama Fuji	47
b) <u>Perabut Rumah</u>				
i) Peti sejuk	43	Toshiba Singer Sanyo	Sital NEC	43
ii) Mesin jahit	45	Singer	Nelco	45
iii) Radio	50	National Philips Sony	Hitachi JVC	50
iv) Televisyen	50	National Singer Sharp	Sanyo Philips	50
v) Pita rakaman	37	National Philips Sanyo	JVC Sony	37
vi) Perakam video	3	National	Akai	3
c) <u>Binatang Ternakan</u>		<u>Jumlah</u>		<u>Responden</u>
i) Lembu		5 ekor		1
ii) Kambing		3 ekor		1
iii) Ayam dan itik		-		31 buah rumahtangga

* Kesemuanya terdiri daripada lima puluh buah rumahtangga.

kerana basikal mudah dan cepat digunakan terutamanya bagi keluarga-keluarga yang mempunyai anak-anak yang bersekolah samada di sekolah yang berhampiran dengan kampung ataupun di bandar Taiping. Basikal juga penting untuk para suri rumahtangga pergi ke kedai runcit, pejabat pos, klinik dan lain-lain tempat di dalam dan di luar kampung ini.

Mengenai pemilikan perabot rumah pula, ada seramai 86% daripada responden yang memiliki peti sejuk dan 90% pula memiliki mesin jahit. Mesin jahit merupakan alat yang penting dalam sebuah rumahtangga. Alat-alat hiburan yang paling popular yang dimiliki oleh setiap rumahtangga ialah radio dan televisyen. Seperti yang diketahui, kedua-dua alat ini merupakan alat komunikasi dan media massa yang penting di samping untuk hiburan. Kedua-dua alat ini tidak lagi merupakan barang mewah dan mampu dimiliki oleh setiap rumahtangga walaupun ada yang membeli alat-alat ini secara berhutang dan dibayar ansurannya tiap-tiap bulan. Bilangan rumahtangga yang memiliki pita rakaman pula ialah 74% dan hanya 6% daripada rumahtangga tersebut yang memiliki perakam video.

Perakam video dianggap sebagai alat hiburan yang mahal dan tidak mampu dimiliki oleh semua orang. Tambahan pula, perakam video tidaklah merupakan alat hiburan yang penting berbanding dengan radio dan televisyen. Walau bagaimanapun, kadangkala terdapat anak-anak jiran dan jiran-jiran sendiri yang datang menonton video di rumah jiran yang mempunyai perakam video.

Di dalam soal pemilikan binatang ternakan pula, didapati hanya 62% daripada rumah tangga yang memelihara ayam atau itik ataupun keduanya sekali. Biasanya responden memelihara ayam dan itik hanya untuk keperluan keluarga sahaja tetapi ada juga responden yang memelihara ayam-ayam untuk dijual kepada jiran-jiran dan di pasar-pasar minggu. Kini ada beberapa responden tidak lagi berminat untuk memelihara ayam kerana sering berlaku kecurian di kampung ini.

Terdapat hanya 2% daripada responden yang dikaji memelihara lembu dan kambing. Walau bagaimanapun, lembunya yang berjumlah lima ekor itu dipelihara di tempat lain di luar kampung ini. Ini adalah kerana lembu-lembu ini sukar dipelihara di kampung ini memandangkan kawasan rumah yang sempit serta tinggal berhampiran dengan jiran-jiran. Oleh itu dikhawatiri lembu-lembu ini akan merosakkan pokok bunga ataupun tanaman sayur-sayuran jiran. Manakala kambing-kambing pula berjumlah tiga ekor dipelihara di rumah responden itu sendiri dan ini adalah kerana tidak sukar untuk mengawal dan memelihara kambing-kambing tersebut.

Maka dari perhatian yang dibuat ini, nyatalah bahawa pada keseluruhannya penduduk-penduduk di Kampung Jana Baru ini telah menikmati berbagai kemudahan sosial seperti yang terdapat di bandar-bandar. Dengan erti kata yang lain, penduduk di sini telah menampakkan ciri-ciri hidup bandar. Walau bagaimanapun, di dalam memperkatakan tentang pengaruh hidup bandar, namun masih ada ciri-ciri kekampungan di kalangan penduduk di Kampung Jana Baru ini, misalnya dalam organisasi sosial serta aktiviti-aktiviti sosial yang dijalankan di kampung ini.

3.(b) Bentuk Rumah

Di Kampung Jana Baru telah memperlihatkan ciri-ciri bandar dari segi bentuk rumah dan struktur kampung yang ada. Kampung Jana Baru ini tidak secara keseluruhannya menyerupai kampung-kampung tradisional oleh kerana kampung ini terbahagi kepada lorong-lorong iaitu lorong satu, dua, tiga dan empat seperti di bandar. Lorong-lorong ini terletak berhampiran juga di antara satu sama lain. Dari segi infrastruktur pula, kini terdapat berbagai kemudahan asas seperti elektrik, bekalan air, jalanraya yang berhadapan dengan rumah penduduk dan lain-lain lagi.

Menyentuh tentang bentuk rumah pula, pada keseluruhannya bentuk rumah di sini amat berbeza daripada bentuk dan keadaan rumah-rumah di kampung tradisional. Rumah-rumah kampung tradisional biasanya mempunyai tiang yang dibuat daripada kayu, beratap nipah atau zing, bilangan bilik yang tidak tentu, mempunyai halaman yang luas dan biasanya tidak berpagar. Di kampung-kampung tradisional juga biasanya ditanami dengan pokok buah-buahan dan sayur-sayuran di sekeliling rumah. Manakala kita dapat rumah-rumah di Kampung Jana Baru ini tidaklah seragam bentuknya. Terdapat rumah-rumah yang diperbuat daripada batu-bata, beratap zing atau 'asbestos' dan bertingkap cermin dan ada juga rumah-rumah yang diperbuat daripada papan, bertiang batu dan beratap zing.

Rumah-rumah di sini ada yang mempunyai satu, dua atau tiga bilik. Malah ada juga di antara rumah-rumah ini yang berpagar terutamanya yang berhampiran dengan jalanraya. Halaman rumah juga adalah terhad

dan hanya mempunyai satu atau dua batang pokok rambutan, jambu, kelapa dan lain-lain lagi. Jarak di antara satu rumah dengan rumah yang lain ialah kira-kira dua puluh hingga tiga puluh kaki. Ada beberapa responden yang mempunyai rumah-rumah sewa terletak berhampiran dengan rumah responden tersebut. Biasanya rumah-rumah sewa ini di perbuat daripada papan, beratap zing dan bertingkap cermin. Sewa rumah yang dikenakan terhadap rumah-rumah ini adalah lebih rendah jika dibandingkan dengan sewa rumah di bandar. Daripada jadual 4 (m.s. 39) terdapat seramai empat puluh orang responden yang mewakili lima puluh buah rumah tangga yang dikaji memiliki rumah sendiri manakala yang selebihnya iaitu sepuluh orang responden merupakan penyewa sahaja.

Apa yang jelas ialah struktur sesebuah rumah di Kampung Jana Baru ini bergantung kepada keadaan dan kemampuan pemiliknya. Kebiasaannya, individu yang mempunyai kedudukan pendapatan yang mantap akan membina rumah yang agak selesa yang dipenuhi dengan kelengkapan-kelengkapan seperti perabot mewah, televisyen, alatan elektrik dan lain-lain lagi. Manakala bagi golongan yang berpendapatan rendah akan membina rumah setakat kemampuan mereka sahaja.

3.(c) Organisasi Sosial

Pada umumnya, organisasi sosial melibatkan satu bentuk susunan perlakuan manusia yang dapat dilihat dalam konteks sesebuah masyarakat, (Himes; 1967: m.s. 44). Organisasi sosial itu mengandungi rangka kerja perlakuan manusia. Unit dalam organisasi itu adalah seperti kumpulan, komuniti ataupun institusi dan unit inilah yang menggerakkan

anggota=anggota di dalam masyarakat.

Melalui institusi sosial ini, anggota=anggota dalam masyarakat dapat bertemu dari masa ke semasa secara rasmi dalam memenuhi matlamat bersama sebagai satu komuniti. Hasil daripada pertemuan ini, terjalinlah ikatan yang lebih mesra dan erat di kalangan anggota masyarakat. Di antara organisasi sosial yang merupakan ciri=ciri kekampungan yang masih ujud atau diamalkan oleh penduduk di Kampung Jana Baru ini ialah seperti aktiviti gotong royong, kenduri=kendara, surau, masjid serta Dewan Orangramai sebagai pusat tumpuan sosial. Institusi yang tidak rasmi ialah seperti kumpulan bual yang dilakukan di satu=satu tempat ataupun di rumah jiran=jiran.

3.(c)(i) Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK)

Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Jana Baru ini terdiri daripada lima belas orang ahli semuanya dan diketuai oleh Ketua Kampung yang bertindak sebagai Pengerusi. Pengerusi JKKK ini adalah dilantik oleh kerajaan manakala ahli=ahli jawatankuasa yang lainnya biasanya terdiri daripada orang=orang yang berpengaruh di dalam kampung. Ahli=ahli jawatankuasa yang lain ini dilantik oleh Ketua Kampung setiap dua tahun. Komposisi JKKK ini adalah seperti berikut:

1 Pengerusi (Ketua Kampung)
1 Setiausaha Umum
2 Biro Pembangunan
2 Biro Kebajikan
2 Biro Ugama
3 Biro Keselamatan
4 Orang sebagai pembantu kepada biro-biro di atas

15 orang

Jawatankuasa ini berfungsi sebagai jurucakap dari pihak penduduk kepada kerajaan untuk mengatasi masalah bersama serta sebagai saluran untuk pihak kerajaan menyampaikan apa-apa arahan. Jawatankuasa ini juga mempunyai peranan untuk merangka pembangunan kampung melalui projek-projek yang dirancangkan, misalnya aktiviti gotong-royong membersihkan kawasan kampung, membaiki jalan, membersihkan surau dan lain-lain lagi. Jawatankuasa ini mempunyai hubungan yang rapat dengan Penghulu dan Wakil Rakyat cuba memenuhi permintaan penduduk kampung, misalnya untuk mendapatkan bekalan air dan elektrik.

Di Kampung Jana ini juga terdapat sebuah jawatankuasa lain yang bertanggungjawab di dalam hal ehwal ugama iaitu Jawatankuasa Madrasatul Isaniah Kampung Jana Baru. Jawatankuasa ini mengendalikan upacara keugamaan seperti berkhatan, majlis khatam Quran, kendurie kendura, perayaan Maulud Nabi dan sebagainya. Menurut Ketua Kampung, pada keseluruhannya beliau tidak banyak menghadapi masalah di dalam

menjalankan tugas beliau dan jarang sekali kedengaran kesekes jenayah seperti mencuri, pergaduhan, menghisap dadah dan lain-lain lagi.

Penduduk-penduduk di kampung ini melibatkan diri di dalam segala aktiviti yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung juga dalam kegiatan anjuran Jawatankuasa Madrasatul Isaniah dan kerjasama penduduk adalah amat menggalakkan.

3.(c)(ii) Institusi Ugama dan Kepercayaan

Oleh kerana kesemua penduduk di Kampung Jana Baru ini terdiri dari orang-orang Melayu, maka ujudlah ikatan keugamaan di antara penduduk di sini. Surau dan masjid merupakan pusat tumpuan penduduk serta sebagai lambang perpaduan ugama. Di surau Kampung Jana Baru dan di masjid di Kamunting sering dilakukan berbagai aktiviti dan upacara keugamaan seperti sembahyang berjemaah terutamanya pada hari Jumaat.

Sembahyang berjemaah setiap hari juga dilakukan terutamanya pada waktu maghrib dan Isyak tetapi ini melibatkan sebilangan kecil penduduk kerana penduduk mempunyai masa kerja yang berbeza-beza, misalnya ada responden yang bekerja mengikut giliran siang atau malam. Jadi dengan hubungan yang berlaku di surau dapat merapatkan lagi ikatan mesra penduduk di sini. Bagi penduduk di sini, di samping melakukan amal ibadat, mereka dapat bertemu dan berbual dengan rakan-rakan mereka. Jadi di dalam bidang sosial, faktor pengikat yang paling kuat ialah ugama yang sama iaitu ugama Islam. Ugama yang sama ini mengwujudkan perasaan kekitaan serta sealiran di kalangan penduduk di sini. Nilai ugama Islam

sememangnya menyuruh penganut-penganutnya berbaik-baik sesama sendiri. Ugama juga menyeru umatnya melakukan beberapa aktiviti bersama seperti sembahyang berjemaah tiap-tiap hari Jumaat. Dengan cara ini, mereka dapat berkumpul dan mengeratkan lagi hubungan sesama mereka.

Upacara ugama lain yang dijalankan di surau dan masjid ialah seperti sambutan Maulud Nabi, sembahyang terawih dalam bulan puasa, sembahyang Hari Raya dan lain-lain lagi. Di Kampung Jana Baru ini, terdapat sebuah jawatankuasa surau yang bertanggungjawab mengendalikan aktiviti keugamaan di surau iaitu yang dikenali sebagai Jawatankuasa Madrasatul Isaniah Kampung Jana Baru. Jawatankuasa ini juga ada menganjurkan ceramah-ceramah ugama oleh guru-guru ugama dari luar kampung sekurang-kurangnya sekali dalam sebulan.

Ada juga upacara-upacara keugamaan yang dilakukan di rumah secara beramai-ramai misalnya, upacara kenduri atau membaca doa selamat sebagai menyambut sesuatu peristiwa dalam kehidupan individu seperti perkahwinan, berkhatam, bertunang, tahlil dan lain-lain lagi. Dengan upacara sedemikian menunjukkan perpaduan orang-orang kampung terutamanya upacara kenduri-kendara. Dalam hal kenduri, orang-orang kampung di sini biasanya menyumbangkan tenaga secara percuma, misalnya dalam hal masak-memasak, menghidang makanan, membasuh pinggan-mangkuk dan sebagainya. Di samping itu juga ada terdapat badan-badan persatuan sosial seperti persatuan Belia dan Pertubuhan Wanita (WI) Kampung Jana Baru yang menyumbangkan bantuan tenaga dalam berbagai upacara keugamaan.

Sebagai rumusannya, upacara keugamaan seperti yang telah dinyatakan dapat mengeratkan hubungan dan integrasi penduduk kampung ini.

3.(c)(iii) Gotongroyong

Seperti keadaan di kampung-kampung tradisional yang lainnya, di Kampung Jana Baru ini, aktiviti gotong-royong adalah satu ciri penting di dalam menyatukan serta mengeratkan hubungan di kalangan penduduk kampung. Walaupun dari segi ekonomi tidak banyak unsur gotong-royong yang terdapat, namun di dalam soal-soal kebajikan, unsur gotong-royong ini ujud. Hari yang biasa dilakukan kegiatan gotong-royong di sini ialah pada hari Ahad dan di hari-hari cuti di mana orang-orang yang bekerja makan gaji bercuti.

Di antara usaha-usaha gotong-royong yang dilakukan oleh penduduk di kampung ini ialah seperti membersihkan kawasan kampung, membaiki jalan, membersihkan surau dan masjid serta tanah perkuburan dan lain-lain lagi. Kegiatan gotong-royong ini biasanya diatur oleh ahli jawatankuasa madrasah ataupun jawatankuasa kemajuan dan keselamatan kampung yang diketuai sendiri oleh Ketua Kampung. Walaupun aktiviti gotong-royong ini dilakukan sekali-sekala sahaja, namun sekurang-kurangnya kegiatan ini dilakukan untuk kebajikan kampung di samping mengeratkan lagi hubungan penduduk kampung.

Penyertaan penduduk adalah merupakan tanggungjawab bersama dan dengan ini dapat memupuk perasaan kekitaan di kalangan penduduk di sini. Walaupun ada seorang atau dua yang tidak menyertai usaha gotong-royong

yang diadakan, tetapi biasanya tiap-tiap rumah cuba menghantar wakil demi untuk menjaga nama baik keluarga. Oleh itu kita dapat norma-norma hidup begini adalah sebagai salah satu faktor integrasi penduduk di kampung ini.

Selain daripada institusi keugamaan, terdapat institusi rasmi lain yang juga merupakan pusat tumpuan sosial yang penting, misalnya Dewan Orangramai. Di kampung ini ada sebuah Dewan Orangramai yang dikenali sebagai Dewan Orangramai Kampung Jana Baru. Dewan Orangramai ini kerap menjadi tumpuan perkumpulan rasmi seperti Mesyuarat UMNO, Persatuan Belia, Kelas Tadika anjuran KEMAS dan sebagainya. Berhampiran dengan Dewan Orangramai ini terdapat gelanggang badminton dan sepaktakraw yang sering digunakan oleh golongan belia-belia terutamanya di waktu petang dan pada masa hari-hari cuti.

Di samping untuk bermain badminton atau sepaktakraw, dewan ini adalah sebagai tempat untuk berkumpul serta berbual dengan rakan-rakan. Boleh dikatakan Dewan Orangramai ini sebagai pusat perpaduan penduduk yang tua ataupun muda dari masa ke semasa. Bagi wanita pula terutamanya kaum ibu mengadakan berbagai aktiviti seperti memasak, mengubah, menjahit dan mendengar ceramah-ceramah ugama yang dianjurkan oleh Perkumpulan Wanita (WI) Kampung Jana Baru dan biasanya mereka bertemu pada tiap-tiap hari Sabtu pada pukul dua petang sehingga pukul enam petang.

3.(c)(iv) Interaksi Tidak 'Formal'

Selain daripada organisasi sosial yang rasmi seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, terdapat juga hubungan yang timbul dari perlakuan yang dilakukan sehari-hari secara tidak rasmi. Oleh kerana secara keseluruhannya jalinan hubungan yang ujud di kampung ini bukanlah berdasarkan hubungan kekeluargaan, maka didapati hubungan kejiranan amat dipentingkan oleh penduduk di sini. Di Kampung Jana Baru ini, terdapat banyak famili asas dan famili besar yang datang dari berbagai daerah dan menetap terus di sini.

Hubungan tidak rasmi yang amat jelas dapat diperhatikan ialah di antara jiran-jiran yang tinggal berdekatan di antara satu sama lain, misalnya kumpulan bual yang ujud sambil mereka melakukan kerja membersihkan kawasan sekitar rumah. Oleh kerana tinggal berjiran, sudah menjadi kelaziman penduduk di kampung untuk bertegur-sapa dan berbual dengan jiran-jiran tidak seperti di bandar di mana kita dapat kebanyakan jiran tidak mengenali di antara satu sama lain. Di kawasan yang dikaji ini, terdapat 98% responden yang mengatakan di sebelah-menyebelah rumah mereka adalah terdiri dari jiran-jiran yang tidak ada tali persaudaraan dengan mereka manakala hanya 2% responden sahaja yang mempunyai hubungan persaudaraan dengan jiran di sebelah rumahnya.

Di Kampung Jana Baru ini, perlakuan seperti berbual dan bertegur-sapa dengan jiran dapat mewujudkan rasa mesra dan merapatkan lagi hubungan yang sedia ada di antara jiran-jiran. Ada di antara

mereka yang sering bertukar=tukar pendapat dan sentiasa tolong=menolong mengenai berbagai perkara seperti meminta nasihat mengenai tanaman pokok bunga, baja, menjahit, memasak dan lain-lain hal. Perlakuan seperti itu akan mewujudkan proses interaksi di antara jiran=jiran. Ini ditambah pula dengan persamaan dalam bangsa dan ugama yang mengkehendaki hidup berjiran dan saling tolong=menolong sesama mereka. Oleh kerana mereka tinggal berjauhan dengan saudara=mara, maka biasanya jiran yang berdekatan adalah tempat pertama mereka meminta pertolongan.

Di antara responden yang dikaji, terdapat 84% dari mereka yang biasanya meminta pertolongan dari jiran=jiran mereka dalam hal harian seperti bantuan tenaga dalam mengerjakan kenduri=kendara, menjaga anak semasa suami dan isteri bekerja serta ada yang meminta bantuan kewangan dari jiran=jiran mereka.

'Bertandang' juga sering berlaku di kalangan penduduk di sini atas sebab-sebab tertentu ataupun tanpa apa=apa sebab. Di antara sebab-sebab yang menggalakkan orang=orang ini bertandang ke rumah jiran adalah untuk menziarahi jiran yang baru melahirkan anak, menolong dalam hal kenduri=kendara, melawat orang sakit dan lain-lain lagi. Tujuan bertandang ini adalah sebagai menunjukkan rasa simpati atau gembira kepada jiran=jiran tersebut. Biasanya dalam usaha begini, sering mereka yang bertandang membawa 'buah tangan' dalam bentuk hadiah, buah=buahan dan wang. Apa yang dipentingkan di sini ialah adanya tanda kemesraan dan rasa saling mengambil berat khususnya ke atas jiran=jiran yang tinggal berdekatan ataupun

penduduk kampung amnya.

Daripada aspek pinjam=meminjam pula, didapati jiran=jiran yang tinggal berdekatan sering meminjam barang=barang seperti pinggan=mangkuk, pakaian ataupun alat=alat tertentu untuk mengadakan sesuatu kenduri. Kadangkala pinjaman ini melibatkan perkara=perkara kecil seperti barang keperluan dapur apabila jiran tidak sempat ke kedai. Biasanya barang=barang yang dipinjam itu dipulangkan kembali ataupun ganti. Perlakuan seperti ini boleh mewujudkan kemesraan di antara jiran=jiran kerana di dalam masa=masa kesusahan, mereka dapat mengharapkan bantuan dari jiran tetangga, misalnya menggunakan telefon dan meminjam wang di waktu kesusahan. Walau bagaimanapun, tidak dapat dinafikan kadangkala perlakuan sebegini menimbulkan konflik di kalangan jiran=jiran.

Halaman rumah pula sering menjadi tumpuan kaum wanita untuk kumpulan bual di masa=masa lapang terutamanya di waktu petang apabila ibu=ibu membawa anak=anak mereka bersiar=siar. Anak=anak dibiarkan bermain dengan anak=anak jiran sementara kaum wanitanya berbual dan kadangkala kumpulan bual ini disertai oleh kaum lelaki. Perbuatan ziarah=menziarahi sudah menjadi kebiasaan penduduk di kampung ini terutamanya di waktu lapang. Perlakuan menziarah ini amat jelas dapat dilihat pada Hari Raya di mana penduduk=penduduk di sini menziarahi jiran=jiran serta saudara=mara yang tinggal di dalam kampung ini ataupun di luar Kampung Jana Baru.

Secara amnya, dapatlah dikatakan bahawa dengan adanya institusi

sosial yang berbentuk rasmi dan tidak rasmi seperti yang telah di nyatakan tadi telah dapat mengeratkan lagi ikatan dan perpaduan penduduk kampung. Hubungan di antara anggota=anggota di dalam sesuatu kumpulan adalah mesra kerana dapat diujudkan hubungan persempuaan di kalangan mereka.

Sebagai kesimpulannya, walaupun penduduk di Kampung Jana Baru ini berada dalam keadaan fizikal yang mirip bandar, misalnya adanya sumber ekonomi yang tidak bersandar kepada pertanian dan adanya hak-hak persaorangan namun daripada kajian didapati penduduk di sini masih tetap dengan ciri=ciri kekampungan di mana mereka memandang tinggi kualiti 'non-material' seperti peribadi dan perlakuan individu di dalam masyarakat. Oleh itu jelaslah masih ujud institusi tradisional seperti gotong=royong dalam berbagai hal di kalangan penduduk di Kampung Jana Baru ini. Institusi yang bercorak tradisi ini adalah penting dan berfungsi dalam mengekalkan dan menyatukan masyarakat kampung.

Kalau di bandar, Wirth (1957) mengatakan bahawa hubungan penduduk adalah rapat dari segi fizikal tetapi renggang dari segi sosial tetapi bagi penduduk di Kampung Jana Baru ini, keadaannya adalah di sebaliknya pula. Di kampung ini didapati hubungan di antara penduduk adalah rapat dari segi fizikal dan sosial walaupun kini telah ada ciri-ciri urbanisasi. Sebagai rumusannya, dapatlah dikatakan bahawa Kampung Jana Baru ini adalah merupakan sebuah kampung dalam perubahan atau transisi yang belum lagi merasapi kesemua ciri=ciri hidup bandar.

BAB IV

KEKELUARGAAN

4.(a) Keluarga Dan Rumahtangga Di Kampung Jana Baru

Rumah, keluarga dan rumahtangga amat berkait rapat. Rumah menjadi tempat kediaman bagi keluarga. Masyarakat ujud kerana adanya ahli=ahli yang menetap dan tinggal dalam kelompok=kelompok tertentu dan di dalam kampung tertentu pula.

Berdasarkan kediaman serumah, maka ahli=ahli keluarga menjadi isirumah dan membentuk kelompok rumahtangga. Jadi rumah menjadi suatu bentuk fizikal yang berubah=ubah bergantung kepada banyak faktor terutamanya bentuk dan kandungan keluarga yang mendiaminya. Perkembangan perindustrian dan urbanisasi telah membawa perubahan terhadap kekeluargaan. Perubahan itu berlaku dari segi hubungan dalam rumahtangga, peranan ibubapa dan anak=anak serta hubungan di antara ahli=ahli dalam satu rumahtangga.

Bentuk dan jenis famili yang ujud di Kampung Jana Baru ini menunjukkan nilai=nilai tradisi yang telah dan sedang mengalami proses perubahan yang ketara. Pada keseluruhannya daripada lima puluh buah rumahtangga yang dikaji, di kampung ini terdapat dua jenis famili iaitu famili asas dan famili besar. Mengenai bentuk famili asas, ianya terdiri daripada suami, isteri dan anak=anak terutamanya yang masih belum berkahwin. Daripada Jadual 5, dapat diperhatikan ada 58% daripada rumahtangga yang dikaji berbentuk famili asas.

Jadual 5

Komposisi Rumahtangga Penduduk Kampung Jana Baru

Jenis Rumahtangga	Komposisi Rumahtangga	Bil.	Peratus (%)
1. Famili Asas	Suami, isteri + anak-anak	29	58
2. Famili Besar (extended)	<ul style="list-style-type: none"> a. Famili asas + saudara menumpang b. Famili asas + ibubapa isteri ataupun suami c. Famili asas + ibu + adik-adik suami d. Famili asas + cucu e. Famili asas + menantu (lelaki atau perempuan) + cucu 	2 4 1 6 8	4 8 2 12 16
Jumlah		50	100

Di dalam famili asas, biasanya suami merupakan ketua keluarga atau rumah tangga yang bertanggungjawab mencari nafkah dan melindungi keluarganya. Manakala isteri membantu suami di dalam menguruskan rumah tangga dan kebajikan anak-anak. Faktor urbanisasi dikatakan menyebabkan keluarga besar akan berpecah lalu menjadi organisasi yang kecil seperti kata Hawley,

'Extended family household tends to break up under the pressures of housing costs and availability on the one hand and the accessibility requirements attached to different occupations on the other'

(Hawley; 1971: m.s. 303)

Jenis rumah tangga famili asas terdapat dalam bilangan yang besar dalam kajian Swift (1965: m.s. 183) di Jelebu. Dalam kajian ini, Swift mendapati ada tiga puluh tiga daripada tujuh puluh satu rumah tangga yang dikaji terdiri dari jenis famili asas. Keadaan ini memang berlaku di Kampung Jana Baru di mana daripada lima puluh buah rumah tangga yang dikaji lebih separuh daripadanya adalah famili asas.

Mengenai penyibaran penduduk di kampung ini, terdapat sejumlah ahli-ahli keluarga yang telah keluar dari kampung ini dan terus menetap di tempat lain di luar kampung ini. Salah satu faktor penting yang menyebabkan keadaan ini ialah faktor pekerjaan di mana terdapat seramai 49.26% daripada responden yang berhijrah keluar dari kampung ini. Daripada Jadual 6, dapat dilihat ada seramai seratus tiga puluh enam orang ahli-ahli keluarga dari lima puluh buah rumah tangga yang dikaji yang menetap di luar Kampung Jana Baru. Daripada jumlah ini, tujuh puluh

tiga daripadanya terdiri dari kaum lelaki manakala enam puluh tiga lagi merupakan kaum wanita. Purata umur mereka yang berhijrah ini ialah di antara lapan hingga empat puluh tahun. Kebanyakan daripada orang-orang yang berhijrah itu bekerja di sektor awam atau swasta di bandar-bandar besar seperti di Ipoh, Kuala Lumpur dan Singapura.

Bilangan famili asas yang agak tinggi ini juga kerana didapati ada beberapa orang ketua keluarga dan isteri adalah masih muda iaitu di bawah umur empat puluh tahun. Oleh itu didapati ada famili asas yang terdiri dari suami, isteri dan anak-anak yang muda dan masih menuntut dan saiz keluarga tidaklah besar. Faktor lain yang mewujudkan famili asas ini ialah faktor perkahwinan. Ini berlaku terutamanya pada kaum wanita yang berkahwin dengan orang luar dan mengikuti suami serta ramai yang menetap terus di tempat suami mereka. Bilangan mereka adalah kira-kira 40% daripada keseluruhan responden yang dikaji. Ada di antara kaum wanita ini yang bekerja tetapi sebahagian besar daripada kaum wanita ini tidak bekerja ataupun yang telah berhenti kerja setelah berkahwin.

Daripada Jadual 6 juga dapat diperhatikan hanya kira-kira 2.2% daripada ahli-ahli keluarga yang keluar dari kampung kerana mengikuti kakak mereka yang telah berkahwin tinggal di tempat lain. Ada di antara mereka ini yang masih menuntut dan ada yang menganggur dan hanya tinggal di rumah mengasuh anak-anak saudara ketika kakak mereka bekerja.

Jadual 6

Sebab-sebab ahli-ahli dalam rumah tangga itu berpindah

Sebab	Jumlah	Peratus (%)
1. Mengikuti suami	20	40
2. Pekerjaan	67	49.26
3. Pelajaran	21	15.4
4. Ingin tinggal berasingan	21	15.4
5. Tinggal di kampung asal (di luar Kampung Jana Baru)	4	2.9
6. Mengikuti kakak	3	2.2
Jumlah	136	

* Kesemuanya adalah terdiri daripada ahli-ahli daripada lima puluh buah rumah tangga yang dikaji.

Faktor pelajaran juga menyebabkan ujudnya lebih banyak bilangan famili asas di Kampung Jana Baru. Terdapat kira-kira 15.4% daripada ahli-ahli keluarga yang tinggal di luar kampung oleh sebab persekolahan. Ramai di antara mereka ini terdiri dari golongan belia yang menuntut di sekolah berasrama dan di pusat-pusat pengajian tinggi yang terletak di luar kampung seperti di Maktab Perguruan, Institut Teknologi Mara dan Universiti-universiti Tempatan. Ada juga beberapa ahli keluarga yang sedang menuntut di luar negeri, misalnya di Amerika, Britain dan Australia. Sebagai pelajar, mereka ini biasanya berusia belasan tahun dan masih bergantung kepada ibubapa masing-masing

untuk perbelanjaan mereka.

Famili asas juga timbul kerana adanya di kalangan ahli-ahli keluarga yang telah berkahwin yang sengaja tidak mahu tinggal serumah dengan ibubapa masing-masing. Di Kampung Jana Baru ini, terdapat kira-kira 15.4% ahli-ahli keluarga yang telah berkahwin yang tinggal berasingan daripada ibubapa masing-masing walaupun ada di antara ibubapa yang mempelawa mereka untuk tinggal bersama. Pasangan ini terutamanya yang baru berkahwin tinggal di rumah yang berasingan walaupun berhampiran dengan rumah ibubapa mereka sendiri. Manakala ada juga pasangan yang menyewa rumah di kawasan lain di luar kampung ini. Mereka tinggal berasingan kerana ingin berdikari tanpa kongkongan dari mana-mana pihak serta inginkan 'privacy'. Ada juga pasangan suami isteri yang berpindah kerana keadaan rumah ibubapa yang sempit serta bilangan ahli keluarga yang ramai dan mereka rasa tidak selesa.

Walau bagaimanapun, daripada kajian didapati ada pasangan suami isteri yang tinggal di rumah yang berasingan tetapi berhampiran dengan rumah ibubapa masing-masing. Oleh itu mereka sering berkunjung ke rumah ibubapa terutamanya selepas pulang dari kerja ataupun pada hari-hari cuti. Malah ada di antara suami isteri ini yang bekerja meminta pertolongan ibubapa yang tinggal berhampiran untuk menjaga anak-anak mereka ketika mereka bekerja. Mereka akan mengambil anak-anak mereka setelah pulang dari kerja. Ini memudahkan pasangan suami isteri terutamanya yang tiada pembantu rumah.

Walaupun terdapat sebilangan besar ahli-ahli keluarga yang tinggal di luar kampung ini, namun mereka masih mempunyai hubungan yang rapat dengan keluarga masing-masing di kampung. Ini dapat di perhatikan atas dasar kekerapan ahli-ahli itu pulang ke kampung asal terutamanya pada masa cuti dan musim-musim perayaan seperti Hari Raya. Selain dari itu, ikatan kekeluargaan dapat diperhatikan dengan adanya kiriman surat dan pemberian wang dari ahli-ahli keluarga tersebut kepada ibubapa di kampung pada tiap-tiap bulan. Malah dalam kes-kes tertentu, didapati bantuan kewangan itu merupakan sumber pendapatan yang sangat penting bagi ibubapa menampung perbelanjaan rumahtangga terutamanya bagi ibubapa yang mempunyai ramai anak yang masih bersekolah.

Di samping ujudnya famili asas, terdapat juga famili besar di Kampung Jana Baru ini iaitu kira-kira 42% daripada rumahtangga yang dikaji. Bentuk famili besar mengandungi suami, isteri, anak-anak yang telah berkahwin dan cucu-cucu. Jadi di dalam sesebuah rumah itu boleh didiami oleh tiga generasi atau lebih.

Ada 4% daripada famili besar ini terdiri daripada famili asas dan ahli-ahli keluarga dari pihak isteri ataupun suami yang menumpang dengan famili asas tersebut. Saudara-mara yang menumpang itu biasanya adalah orang dewasa yang datang dari kampung asal datang ke sini untuk mencari pekerjaan ataupun melanjutkan pelajaran. Mereka ini dibawa oleh suami atau isteri famili asas itu dan dicarikan peluang kerja atau persekolahan di bandar.

Bagi ahli-ahli keluarga yang telah mendapat pekerjaan dan mempunyai pendapatan sendiri akan menyumbang kepada perbelanjaan rumah tangga famili asas tersebut. Walau bagaimanapun, ada di antara mereka ini yang menyatakan keinginan untuk tinggal berasingan suatu masa kelak kerana ingin hidup berdikari. Jadi di sini didapati biasanya bentuk rumah tangga yang besar begini hanyalah untuk sementara sahaja.

Ada 8% daripada famili besar yang dikaji ini terdiri daripada famili asas dan ibubapa di sebelah pihak suami ataupun isteri yang tinggal bersama-sama di dalam atau rumah. Biasanya ibu-ibu yang tinggal bersama-sama famili asas itu adalah janda dan diajak tinggal bersama anak-anak yang telah berkahwin kerana tiada sesiapa yang boleh diharapkan untuk menjaganya di kampung asal. Ibu yang berumur ini biasanya tinggal di rumah membantu di dalam urusan rumah tangga di samping mengasuh cucu-cucunya.

Hanya ada 2% daripada rumah tangga yang dikaji yang ahli-ahlinya terdiri daripada suami, isteri dan ibu serta adik-adik di pihak suami. Ibu dan adik-adik diajak tinggal bersama-sama di dalam satu rumah walaupun rumah itu agak sempit. Ini adalah kerana tiada siapa di kampung asal yang dapat menjaga ibu dan adik-adik si suami tersebut. Ibu ini pula bekerja sebagai pekerja biasa di kilang kain di Kemunting untuk membantu menambahkan pendapatan seisi rumah di samping menyara anak-anaknya yang masih bersekolah yang tinggal bersamanya.

Ada terdapat kira-kira 12% daripada famili besar di kampung ini yang terdiri daripada ibubapa, anak-anak yang belum berkahwin serta cucu-cucu dari anak mereka yang telah berkahwin tetapi tinggal di luar Kampung Jana Baru. Ada di antara cucu-cucu ini yang masih kecil dan ada juga yang telah bersekolah. Anak-anak ini ditinggalkan bersama-sama dengan ibubapa suami ataupun isteri kerana pasangan suami isteri yang tinggal di luar kampung itu bekerja dan tidak dapat menjaga anak-anak mereka. Ibubapa yang tinggal di kampung pula tidak keberatan untuk memelihara cucu-cucu mereka terutamanya bagi ibubapa yang tidak mempunyai anak-anak yang tinggal bersama-sama mereka lagi. Jadi dengan kehadiran cucu-cucu itu dapatlah sekurang-kurangnya mengisi kesunyian mereka.

Walau bagaimanapun, daripada kajian didapati walaupun terdapat ramai anak-anak yang menetap di luar kampung ini, namun obligasi anak-anak terhadap ibubapa di kampung dapat dipenuhi apabila mereka pulang ke kampung untuk melihat anak-anak mereka. Di samping itu juga, mereka mengirimkan wang kepada ibubapa setiap bulan untuk perbelanjaan anak-anak mereka terutamanya yang masih bersekolah. Bilangan famili besar yang terbanyak iaitu kira-kira 16% daripada rumah tangga yang dikaji adalah terdiri daripada famili asas, anak-anak lelaki atau perempuan yang telah berkahwin, menantu samada lelaki atau perempuan dan cucu-cucu. Kesemua mereka ini tinggal bersama-sama di dalam sebuah rumah.

Jadi di sini didapati ada anak-anak yang telah berkahwin dan berkeluarga yang masih suka tinggal serumah dengan ibubapa mereka. Di

antara sebabnya ialah ada pasangan suami isteri ini yang bekerja di tempat yang sama di bandar Taiping dan oleh itu adalah lebih mudah bagi mereka tinggal bersama-sama dengan ibubapa sahaja terutamanya bagi pasangan yang mempunyai anak-anak yang masih kecil yang memerlukan bantuan ibubapa untuk menjaga anak-anak semasa mereka bekerja. Manakala terdapat ramai juga bilangan menantu perempuan yang tidak bekerja ataupun telah berhenti kerja setelah berkahwin.

Menyentuh tentang saiz keluarga pula, daripada Jadual 7, kita dapat memerhatikan saiz famili dari segi bilangan dan jumlah anak-anak di dalam lima puluh buah rumah tangga yang dikaji. Daripada data, di dapati bilangan famili yang mempunyai anak-anak yang tidak ramai adalah sedikit jumlahnya. Hanya ada 4% sahaja daripada rumah tangga yang mempunyai anak-anak seramai dua orang. Keadaan ini ujud kerana ada di antara pasangan suami isteri ini yang masih muda dan baru beberapa tahun sahaja mendirikan rumah tangga.

Terdapat 16% daripada rumah tangga yang dikaji itu mempunyai anak-anak seramai lapan orang iaitu bilangan anak-anak yang teramai sekali iaitu seramai tiga belas orang dari seorang isteri sahaja. Pada keseluruhannya, didapati banyak famili yang mempunyai bilangan anak-anak yang ramai juga dan tidak ada had-had tertentu seperti perancangan keluarga di dalam menentukan bilangan anak-anak.

Kalau dulunya penduduk di Kampung Jana Baru ini suka kan keluarga besar yang biasanya mengandungi beberapa generasi serta

yang telah dan sedang dinaikkan lagi, maka keadaan yang

Famili Dan Kekeluargaan

tempat yang paling seluruh berlaku di kampung anggotanya mengarakat.

Jumlah anak-anak penduduk Kampung Jana Baru

Jumlah anak-anak	Bil. Responden	Peratus (%)
2 orang	2	4
3 "	4	8
4 "	7	14
5 "	5	10
6 "	6	12
7 "	7	14
8 "	8	16
9 "	3	6
10 "	3	6
11 "	1	2
12 "	0	0
13 "	1	2
Tiada anak	1	2
Jumlah	50	100

Di samping, mungkin lebih memungkinkan tingkah laku saudara-saudara yang menumpang tinggal bersama-sama di dalam sebuah rumah tetapi kini keadaannya telah berubah. Dalam proses perubahan sosial

lainnya, mungkin juga berlaku sebagai ketua keluarga yang

yang telah dan sedang dialami di kampung ini, maka keluarga asas merupakan struktur masyarakat yang bersesuaian dengan keadaan mobiliti tempat yang semakin meluas berlaku di kalangan anggota-anggota masyarakat. Bilangan famili besar yang semakin berkurangan ini menunjukkan nilai-nilai tradisi telah berubah dengan adanya perubahan sosial serta unsur-unsur modenisasi yang telah meresap masuk ke kampung ini secara beransur-ansur.

Walau bagaimanapun, sifat mobiliti itu mempunyai kesan terhadap struktur penduduk dan sosial dalam jangkamasa panjang. Semakin lama keluarga asas berada di luar kampung, semakin kuranglah ikatan sistem masyarakat serta merenggangkan hubungan kekeluargaan. Ini berlaku lebih-lebih lagi jika anggota masyarakat itu berkahwin dan menetap terus di tempat yang jauh dari kampung asal.

4.(b) Hubungan Di Dalam Rumahtangga

Seperti yang telah disebutkan sebelum ini, sebahagian besar daripada keluarga di kampung ini terdiri dari famili asas. Oleh ituuraian akan ditumpukan kepada hubungan dalam rumah tangga iaitu hubungan di antara suami dan isteri serta hubungan kedua suami isteri dan anak-anak mereka dalam sesebuah rumah tangga.

Di rumah, ibubapa lebih mementingkan tingkah laku anak-anak dan ibubapa juga bertanggungjawab mendidik serta membentuk corak tingkah laku yang bersesuaian di antara keluarga dan anggota masyarakat lainnya. Suami atau bapa bertindak sebagai ketua keluarga yang

berkuasa penuh dan bertanggungjawab menyarai dan melindungi famili prokreasinya. Suami atau bapa ini mempunyai kerja tetap di samping ada juga yang melakukan kerja-kerja sambilan untuk menambahkan pendapatan. Oleh itu didapati suami atau bapa ini menghabiskan masa yang lama di tempat kerja, misalnya ada seorang responden yang bekerja sebagai buruh am di jabatan kerajaan dan selepas waktu kerja, ia mengambil upah memotong rumput untuk jiran-jiran. Ada juga di kalangan ketua keluarga ini melakukan kerja-kerja sambilan lain seperti memasak untuk kenduri, berniaga di restoran, menjadi pemandu teksi dan lain-lain lagi.

Jadi didapati hubungan suami dan isteri serta hubungan bapa dan anak-anak adalah terbatas kerana bapa atau suami sentiasa bertungkus-lumus mencari wang untuk menyarai kehidupan keluarganya. Suami atau bapa biasanya tidak ada banyak masa untuk keluarga dan oleh itu pengurusan rumahtangga diserahkan kepada isteri. Isterilah yang menguruskan perbelanjaan keluarga, menjaga dan mendisiplinkan anak-anak di samping menguruskan kerja-kerja harian seperti memasak, membersih dan menguruskan rumah.

Bagi isteri-isteri yang bekerja tetap, maka tanggungjawabnya bertambah berat tambahan pula jika tidak ada pembantu rumah. Tekanan-tekanan tugas seperti ini mendorong isteri itu menjemput saudara-mara dari kampung asal untuk tinggal bersama-sama supaya dapat membantu tugas-tugas rumahtangga. Ada juga di antara famili ini samada di

sebelah pihak suami ataupun isteri yang mengajak ibubapa mereka tinggal bersama-sama mereka. Dengan ini ibubapa tersebut sedikit sebanyak dapat membantu dalam soal rumahtangga misalnya menjaga anak-anak semasa pasangan suami isteri itu bekerja.

Bila di dalam sesebuah rumahtangga itu terdapat hanya suami sahaja yang bekerja manakala isteri bertanggungjawab ke atas hal ehwal rumahtangga, maka ada pembahagian tugas yang jelas. Hubungan bapa dan anak-anak dipengaruhi oleh jenis pekerjaan dan lama masa bekerja si bapa tadi. Daripada kajian yang dilakukan, didapati 50% daripada ketua keluarga yang bekerja selama lapan jam sehari mengikut waktu pejabat, misalnya seperti guru, pegawai kerajaan dan buruh am.

Manakala terdapat juga kira-kira 24% daripada ketua keluarga atau suami yang bekerja lebih daripada lapan jam sehari dan adakalanya mengikut giliran tertentu, misalnya seperti anggota bomba dan anggota tentera. Bagi golongan peniaga pula, didapati mereka ini bekerja selama dua belas hingga empat belas jam sehari, misalnya peniaga restoran dan pekdai runcit. Ada seorang ketua keluarga yang bertugas sebagai pemandu bas ekspres dari Taiping ke Kelantan setiap hari. Beliau bekerja melebihi lapan jam sehari dan mengikut giliran tertentu itu tidak mempunyai banyak masa terutamanya bagi si bapa untuk berinteraksi dengan anak-anak di rumah. Biasanya interaksi di antara bapa dan anak-anak adalah terhad dan berlaku di waktu malam sahaja. Pada waktu malam pula, si bapa biasanya keletihan dan mahu berehat sambil mendengar radio

ataupun menonton televisyen. Manakala di waktu malam juga anak-anak pula mengulangkaji pelajaran. Purata lama masa bekerja bagi ketua keluarga ialah di antara lapan hingga empat belas jam sehari. Didapati anak-anak dan bapa tidak banyak berinteraksi di antara satu sama lain kecuali anak-anak meminta sesuatu dari bapa ataupun si bapa menyuruh anaknya membuat sesuatu untuknya. Didapati hubungan di antara bapa dan anak-anak adalah renggang tetapi bapa masih ditakuti dan dihormati.

Oleh itu kita dapati kaum ibu lebih terlibat dalam pemeliharaan anak-anak terutamanya jika si ibu tadi tidak bekerja. Bagi ibu yang bekerja pula mempunyai masa yang terhad untuk anak-anak mereka. Ada isteri yang menyerahkan anak-anak untuk dijaga oleh jiran semasa mereka bekerja dan ada juga kes di mana anak-anak yang ditinggalkan sahaja sendirian di rumah seharian suntuk. Anak-anak ini belajar menguruskan hal sendiri dan berdikari sejak dari kecil lagi.

Secara amnya, dapatlah dikatakan bahawa penyertaan ibubapa di dalam kegiatan ekonomi yang berlaku di luar kawasan tempat tinggal menghadkan hubungan sosial di antara ibubapa dan anak-anak. Peranan ibubapa dalam sosialisasi anak-anak menjadi berkurangan dan diambil alih oleh institusi formal seperti Tadika, sekolah dan alat-alat media massa seperti televisyen, radio, majalah serta oleh kumpulan sebaya dengan anak-anak. Oleh kerana sosialisasi yang lebih banyak berlaku di luar rumah, maka anak-anak terdedah kepada nilai, fikiran dan pandangan yang

berbeza dari ibubapa. Hal ini boleh menjadi punca kepada pemisahan generasi terutamanya di antara ibubapa dan anak-anak dan ini menggugat kewibawaan ibubapa tersebut.

Bagi perhubungan di antara adik-beradik di dalam keluarga pula, ada hubungan mesra yang terjalin semenjak mereka kecil lagi. Walaupun apabila masing-masing telah dewasa dan berkahwin, hubungan ini masih dikekalkan melalui perlakuan ziarah-menziarahi serta saling tolong-menolong di antara satu sama lain walaupun mereka tinggal berjauhan.

Jika anak-anak yang bekerja tinggal serumah dengan ibubapa, maka adalah menjadi tanggungjawab anak-anak ini untuk menjaga dan menyara hidup ibubapa mereka. Bagi anak-anak yang tinggal di tempat lain pula, kebijakan ibubapa tetap dijaga dan diambil berat oleh anak-anak. Didapati dari kajian, anak-anak yang tinggal jauh di luar kampung ini kerap pulang ke kampung untuk menziarahi ibubapa mereka. Juga mereka mengirimkan wang setiap bulan kepada ibubapa di kampung. Hubungan kekeluargaan masih tetap dipentingkan walaupun ada ciri-ciri urbanisasi di Kampung Jana Baru ini.

Untuk membuktikan bahawa ujud hubungan yang erat di antara ahli-ahli yang tinggal dalam satu rumah tangga dengan ahli keluarga lain yang tidak tinggal di Kampung Jana Baru, di sini akan diambil satu contoh kajian kes. Misalnya keluarga Encik Aziz yang mempunyai bentuk keluarga yang besar iaitu terdiri daripada Encik Aziz, isterinya, anak-anak yang belum berkahwin, anak-anak yang telah berkahwin,

menantu-menantu perempuan yang tidak bekerja dan seorang cucu. Bilangan ahli keluarga yang tinggal serumah ini berjumlah sepuluh orang. Di samping itu, Encik Aziz mempunyai seorang anak lelaki yang telah bekerja dan sudahpun berkahwin menetap di kawasan lain yang berhampiran dengan Kampung Jana Baru. Anak lelaki yang tidak tinggal serumah itu bekerja di kilang papan di Kamunting sebagai 'supervisor'.

Manakala anak-anak lelaki yang tinggal di dalam satu rumah itu bekerja di Kamunting sebagai pekerja kilang dan ada yang membantu menguruskan perniagaan di restoran kepunyaan Encik Aziz. Encik Aziz kini tidak mengambil bahagian secara aktif dalam perniagaan dan di serahkan kepada anak-anak untuk mengendalikannya. Keluarga Encik Aziz juga mempunyai seorang anak angkat perempuan yang berusia enam tahun dan di samping itu ada seorang cucu perempuan yang tinggal bersama yang berusia satu setengah tahun. Dalam famili besar ini, didapati hubungan kekeluargaan di antara ahli-ahli yang tinggal serumah adalah sangat rapat. Beliau juga dengan hubungan ahli-ahli ini dengan anak lelaki yang tidak tinggal serumah itu. Anak lelaki yang tidak tinggal serumah itu sering datang ke rumah ibubapanya membawa isteri dan anak-anaknya terutamanya di hari-hari cuti. Perhubungan di antara adik-beradik juga adalah rapat dan mesra tidak kira samada lelaki ataupun perempuan terutamanya bagi mereka yang belum berkahwin dan tinggal serumah.

BAB V

RUMUSAN

Dari perbincangan dan kajian yang telah dibentangkan, maka dapatlah dibuat kesimpulan mengenai urbanisasi dan kekeluargaan di Kampung Jana Baru. Di samping itu, kita dapat melihat apakah implikasi kajian ini kepada teori-teori yang telah sedia ada mengenai kaitan di antara urbanisasi dan kekeluargaan.

Akibat daripada proses industri dan urbanisasi, Kampung Jana Baru telah mengalami perubahan daripada segi struktur dan corak kehidupan terutamanya aspek kekeluargaan penduduk tempatan. Kita dapat mengatakan bahawa Kampung Jana Baru ini mengalami perubahan yang pesat dari sebuah kampung yang mempunyai ciri-ciri masyarakat Melayu berubah kepada sebuah perkampungan yang menerima unsur moden dan ciri-ciri bandar.

Secara keseluruhannya, tidak terdapat unsur-unsur tradisional sepenuhnya di kampung ini dari segi ekonomi ataupun sosial. Sebaliknya yang jelas kelihatan ialah percampuran di antara unsur-unsur tradisi dan moden. Namun begitu ciri-ciri 'rural' dan tradisi seperti ugama, kepercayaan dan nilai-nilai tertentu di dalam masyarakat yang masih dipertahankan. Dari segi ekonomi, kita dapati bahawa penduduk di Kampung Jana Baru tidak bergantung kepada pertanian sebagai punca pendapatan yang utama tetapi mereka lebih terlibat di dalam pelbagai jenis pekerjaan 'makan gaji' samada di sektor awam ataupun swasta. Ada juga sebilangan kecil penduduk yang bekerja sendiri, misalnya menjadi peniaga, pemborong dan

sebagainya.

Menyentuh tentang aspek sosial pula, ada tanda-tanda yang menunjukkan masih terdapat unsur kesatuan di kalangan penduduk di sini, misalnya terdapat berbagai kumpulan sosial di dalam masyarakat ini yang mempunyai kegiatan tersendiri seperti Persatuan Kebajikan Islam, Pertubuhan Belia, Pertubuhan Wanita dan sebagainya yang berfungsi untuk menyatupadukan penduduk di sini. Apabila diadakan majlis-majlis kenduri dan perkahwinan, kumpulan-kumpulan ini mempunyai fungsi penting untuk mengikat perhubungan anggota-anggota masyarakat kampung. Ini menunjukkan adanya sentimen kemasyarakatan dan hidup berkomuniti yang masih dikekalkan di kalangan masyarakat ini selain daripada ikatan kekeluargaan.

Daripada segi kekeluargaan pula, kajian menunjukkan bahawa di kalangan penduduk di kawasan yang dikaji, bentuk famili asas adalah lebih menonjol atau ketara berbanding dengan famili besar. Walau bagaimanapun, rumah tangga asas ini tidak pula terasing tetapi mempunyai perhubungan yang rapat dengan ahli-ahli keluarga lainnya yang tinggal setempat ataupun yang tinggal di luar Kampung Jana Baru. Bilangan famili asas yang melebihi famili besar tidak bermakna bahawa urbanisasi dan industrialisasi telah menggalakkan perkembangan famili asas ini.

Sebelum dibuat apa-apa rumusan tentang data-data yang ada, terlebih dulu kita harus meneliti jenis rumah tangga orang-orang Melayu di dalam masyarakat pra-urban dan dibandingkan dengan data-data yang ada.

Dengan cara ini, dapatlah dilihat sejauh manakah urbanisasi mempengaruhi pola-pola dan hubungan kekeluargaan. Mengenai famili asas ini, didapati purata bilangannya di Kampung Jana Baru adalah lebih kurang sama dengan yang terdapat di dalam kajian-kajian sebelum ini. Sebagai contoh, Firth (1964) dalam kajiannya di Kelantan menunjukkan bahawa di antara respondennya terdapat 35% famili asas yang dipanggilnya 'individual family' sementara bilangan famili besar pula ialah 17.2% sahaja.

Di dalam kajian Judith Djamour (1956) di kalangan orang-orang Melayu di Singapura, terdapat kira-kira 54.2% famili asas dan 6.3% famili besar. Kajian ini menunjukkan bahawa famili asas adalah lebih ketara di dalam sistem tradisional orang-orang Melayu. Dalam kajiannya terhadap komuniti setinggan di Kampung Mewah, Azizah Kassim (1984) mendapati bahawa terdapat bilangan famili asas yang lebih ramai berbanding dengan famili besar. Menurut beliau, urbanisasi tidak sekali-kali merombak sistem kekeluargaan tradisional yang telah lama ujud. Urbanisasi bukanlah merupakan faktur utama yang menyebabkan bertambahnya bilangan famili asas.

Berdasarkan kajian-kajian yang telah disebutkan tadi, pengkaji mendapati keadaan di mana bilangan famili asas melebihi famili besar ujud di Kampung Jana Baru yang sedang mengalami proses urbanisasi. Pengkaji bersetuju dengan pendapat Azizah Kassim dan mendapati ianya boleh diaplikasikan ke dalam komuniti yang dikaji. Pengkaji berpendapat dengan Goode, W.J. (1963; m.s. 366) yang meragui ujudnya

kaitan negatif di antara industrialisasi atau urbanisasi dengan kekeluargaan. Menurut Goode,

'It is doubtful that the amount of change in family patterns is a simple function of industrialization, more likely the ideological and value changes; partially independent of industrialization have some effects on family actions'.

Sesungguhnya urbanisasi bukanlah merupakan satu-satunya angkubah yang mempengaruhi pola-pola famili. Terdapat juga angkubah angkubah lain yang memberi kesan terhadap pola-pola famili, misalnya ideologi, nilai, kelas dan lain-lain lagi. Di Kampung Jana Baru ini, berlaku perubahan daripada segi kekerabatan, misalnya kini ada kebebasan memilih tempat tinggal yang mana membuatkan bertambahnya bilangan famili asas berbanding dengan famili besar. Ini ditambah pula dengan berlakunya perpindahan ahli-ahli di dalam rumah tangga ke tempat-tempat lain terutamanya ke luar kampung untuk mencari pekerjaan dan pelajaran. Perpindahan ini menyebabkan berlakunya perkahwinan dengan orang-orang dari luar kampung dengan meluas di kalangan generasi muda.

Walau bagaimanapun, didapati hubungan di antara ahli-ahli yang tinggal di luar kampung dengan keluarga di tempat asal adalah masih kukuh dipertahankan. Ini jelas dapat dilihat daripada kadar kekerapan ahli-ahli itu pulang di kampung asal untuk menziarahi kaum keluarga pada masa-masa tertentu terutamanya pada masa cuti sekolah dan musim-musim perayaan. Menyentuh tentang jalinan hubungan sosial penduduk, walaupun hubungan yang ujud bukan berdasarkan kekerabatan,

namun kita dapati hubungan di antara anggota=anggota dalam komuniti ini adalah rapat dan mesra kerana dapat diujudkan hubungan perseukaan. Tambahan pula, ramai daripada penduduk yang dikaji ini telah lama menetap di Kampung Jana Baru. Oleh itu hubungan yang bukan berdasarkan kekerabatan ini dapat menyatupadukan penduduk.

Jadi apa yang telah dikatakan oleh Wirth (1939; m.s. 22) dalam 'Urbanism as a way of life' adalah tidak tepat menggambarkan cara hidup penduduk di kampung ini. Lebih tegas lagi, kehidupan penduduk di Kampung Jana Baru masih bersifat semangat kekampungan, misalnya ada gotong=royong, interaksi sosial dan kegiatan=kegiatan keugamaan. Setiap keluarga merasakan adalah menjadi tanggungjawab mereka untuk mengambil berat tentang jiran=jiran dan sering tolong-menolong di antara mereka.

Oleh itu ternyata bahawa kajian=kajian oleh Wirth dan Redfield yang mengatakan bahawa urbanisasi membawa kesan negatif terhadap kehidupan masyarakat terutamanya dari aspek kekeluargaan adalah tidak boleh diapplikasikan ke dalam komuniti di Kampung Jana Baru ini. Walaupun tidak dinafikan bahawa ujud ciri=ciri bandar, misalnya dari segi fizikal dan ekonomi, namun ciri=ciri serta nilai=nilai kekampungan masih dipertahankan. Meskipun berlaku perubahan tetapi hubungan kekeluargaan masih dipertahankan. Hubungan kekeluargaan merupakan salah satu daripada pertalian penting bagi komuniti ini kerana hubungan kekeluargaan mencorakkan kehidupan harian penduduk. Oleh itu kekeluargaan tidaklah terbatas kepada anggota=anggota yang tinggal

setempat sahaja malah ianya menjangkau kepada ahli-ahli keluarga lain yang tidak tinggal setempat.

Kajian-kajian yang dilakukan oleh sarjana-sarjana Barat tidak kesemuanya boleh digunakan untuk menghuraikan masyarakat yang sedang mengalami proses urbanisasi khususnya di negara ini kerana terdapat berbagai perbezaan, misalnya dari segi penduduk, bangsa, nilai, persekitaran dan sebagainya. Dalam kajian perbandaran, yang penting ialah menggunakan perbandingan di antara satu kawasan dengan yang lain, misalnya kawasan bandar dengan kawasan di luar bandar. Dengan cara ini, kita dapat melihat dengan jelas akan perubahan-perubahan yang berlaku di sesuatu kawasan itu samada dari aspek kekeluargaan atau hubungan sosial dan lain-lain lagi.

Kesimpulannya, oleh kerana adanya perubahan cara hidup dari yang bercorak luarbandar ke bandar ataupun proses urbanisasi yang merupakan satu proses yang beransur-ansur dan memakan masa yang lama, kita dapati komuniti di Kampung Jana Baru ini tidak dapat terus menghilangkan ciri-ciri dan nilai tradisi atau kekampungan mereka. Meskipun di dalam beberapa hal seperti keadaan ekonomi dan pekerjaan menunjukkan gaya hidup di bandar, namun ini tidak menukar corak hidup penduduk sepenuhnya. Jadi kita dapat mengatakan bahawa Kampung Jana Baru ini sedang mengalami peralihan sebagai satu komuniti di dalam keadaan bandaran.

BIBLIOGRAFI

Buku-buku Bacaan

1. Bergel, E.E
1955 - Urban Sociology (New York)
Mc Graw - Hill Book Co.
2. Djamour, Judith
1959 - Malay Kinship and Marriage in Singapore (London), University of London, The Athlone Press.
3. Eames, Edwin and Goode,
Judith
1977 - Anthropology of the City; An Introduction to Urban Anthropology. Prentice Hall, Inc., New Jersey.
4. Fischer, Claude S
1976 - The Urban Experience - Pub: Harcourt Brace Jovanovich, New York.
5. Fox, Robin
1967 - Kinship and Marriage; An Anthropological Perspective. Hammond Worth, Middlesex, Penguin Books.
6. Goode, William J.
1965 - The Family. Prentice Hall of India.
7. Hamzah bin Sendut
1966 - Contemporary Urbanization in Malaysia. Berkeley, California. Institute of International Studies, University of California.
8. Johnson H.M.
1960 - Sociology, A Systematic Introduction: Routledge and Kegan Paul; London.
9. Lewis, Oscar
1975 - 'Urbanism Without Breakdown' dalam Friedl and Chrissman (ed). 'City Ways', Thomas, Y.; Growall Co., New York.
10. Mair, Lucy
1965 - An Introduction to Social Anthropology. Oxford; Clarendon Press.
11. Raja Mohd. Affandi
1977 - Perbandaran dan Orang Melayu, Utusan Melayu (M) Berhad, Kuala Lumpur.
12. Reissman, Leonard
1964 - The Urban Process; Cities in Industrial Societies. Clencoe, Illinois.

13. Swift, M.G.
1965
- Malay Peasant Society in Jelebu.
London School of Economics. Monographs
on Social Anthropology.
The Athlone Press, New York.
14. Syed Husin Ali
1977
- Masyarakat dan Kepimpinan Kampung di
Malaysia. Penerbitan Fajar Bakti Sdn.
Bhd., Kuala Lumpur.
15. Winch, Robert F.
1971
- The Modern Family.
Northwestern University; Holt, Rinehart
and Winston Inc., Printed in United States
of America.
16. Wirth, Louis
1957
- 'Urbanism as a way of life' dalam Paul
K. Hatt and Albert J. Reiss Jr. (eds);
Cities and Society. The Revised Reader
in Urban Sociology. The Free Press,
Chicago.
17. Zainal Kling
1977
- Masyarakat Melayu: Antara Tradisi dan
Perubahan. Utusan Publications and
Distributors, Kuala Lumpur.

RENCANA-RENCANA

1. Azizah Kassim
1984
 - 'Urbanisasi dan Kekeluargaan':
Komuniti Setinggan, dalam 'Manusia dan Masyarakat', Jurnal Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya.
2. Rokiah Talib
1973
 - 'Komuniti Bandaran Kampung Raja Uda' dalam 'Manusia dan Masyarakat', Jurnal Jabatan Antropologi dan Sosiologi (PASUM), Universiti Malaya. (Bil. 2, 1973).
3. _____
1973
 - 'Jalinan Hubungan Sosial di Kampung Bandaran' dalam buku Zainal Kling; 'Masyarakat Melayu: Antara tradisi dan Perubahan', Utusan Publications and Distributors, Kuala Lumpur.

LATIHAN ILMIAH

UNIVERSITI MALAYA
Kuala Lumpur

1. Hairi Abdullah
1972
- Proses Perbandaran Orang-orang Melayu di Bandar Maharani, Muar.
Tesis Sarjana Sastera, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
2. Mazidah Zakaria
1967
- Susunan Ekonomi dan Sosial Kg. Changkat Larang. Tesis Sarjana Sastera, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
3. Rokiah Talib
1966
- Konflik dan integrasi dalam masyarakat Kg. Kepayang. Kajian Ilmiah Sarjana Muda Sastera, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
4. _____
1969
- Komuniti Melayu Bandaran. Tesis Sarjana Sastera, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
5. Zulkefley Yahaya
1980
- Perindustrian dan Urbanisasi: Beberapa Kesan Terhadap Penduduk Sekitar. Kajian ilmiah Sarjana Muda Sastera, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya.
- a. Bersekolah _____
- b. Kehilangan sekolah yang berterusan _____
- c. Pekerjaan sampingan _____ Pendapatan _____
- d. Pekerjaan sampingan _____ Pendapatan _____
- e. Dapat kerja sebaiknya bekerja _____
- f. Rumah/tetapl _____
- g. Nama _____
- h. Bersekolah _____ Tidak bersekolah _____ (tandakan /)
- i. Kehilangan sekolah yang berterusan _____
- j. Pekerjaan sampingan _____

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

Tajuk Kajian: URBANISASI DAN KEKELUARGAAN: SATU TINJAUAN ANTROPOLOGI

Bil: _____ Tarikh: _____

A. Butir Peribadi Responden

a. Nama: _____ b. Jantina: _____

c. Umur: _____

d. Alamat sekarang: _____

e. Kampung Asal: _____
(kalau ada)

f. Bila datang ke kampung ini: _____

g. Sebab-sebab datang ke sini: _____

h. Bersekolah _____ Tidak bersekolah _____ (tandakan /)

i. Kelulusan sekolah yang tercapai: _____

j. Pekerjaan sekarang: _____ Pendapatan: _____

k. Pekerjaan sampingan: _____ Pendapatan: _____

l. Berapa jam anda bekerja: _____

B. Suami/Isteri

a. Nama: _____ b. Umur: _____

c. Bersekolah: _____ Tidak bersekolah: _____ (tandakan /)

d. Kelulusan sekolah yang tercapai: _____

e. Pekerjaan sekarang: _____

Pendapatan: _____

f. Pekerjaan sampingan: _____ Pendapatan: _____

g. Berapa jam anda bekerja: _____

h. Jika anda dalam kesusahan, pada siapakah anda meminta tolong?

i. Sahabat

ii. Saudara-mara

iii. Atasi kesusahan itu sendiri

i. Adakah anak-anak anda memberi bantuan kewangan kepada anda?

i. Ya

ii. Tidak

Kalau ada, berapa ringgit sebulan: _____

j. Adakah pernah anda membawa keluarga anda pergi ke rumah anak-anak anda atau ke rumah keluarga anda yang tinggal jauh?

i. Selalu

ii. Kadangkadang

iii. Tidak pernah

C. Bilangan Ahli Keluarga Yang Tinggal Dalam Satu Rumah tangga

C. Bilangan Ahliahli Keluarga Yang Tinggal Dalam Satu Rumah tangga

i. Adakah mereka sering berkunjung ke kampung:

- (a) Selalu
 - (b) Kadang-kadang
 - (c) Tidak Pernah

ii. Sebab-sebab berkunjung: _____

D. Aspek Hubungan Kekeluargaan

Pilih jawapan yang betul:

a. Bagaimana anda memilih pasangan untuk anak anda?

- i. Ibu bapa yang pilih
- ii. Anak pilih sendiri dan ibubapa setuju
- iii. Ibu bapa pilih dan anak setuju

Pendapat lain: _____

b. Anggaran kenduri kahwin:

- i. Kenduri kecil sahaja
- ii. Kenduri pada kadar yang mampu
- iii. Kenduri besar-besaran

c. Setelah berkahwin, anak anda tinggal di mana?

- i. Tinggal dengan keluarga dalam satu rumah
- ii. Tinggal dalam satu kawasan tepi rumah yang berasingan
- iii. Tinggal di tempat yang jauh
- iv. Pilihan pasangan itu sendiri

d. Pada pendapat anda, apakah pekerjaan yang baik bagi anak-anak anda?

Anak lelaki

Anak Perempuan

<u> </u>	<u> </u>
<u> </u>	<u> </u>
<u> </u>	<u> </u>

e. Pernahkah anak anda yang bekerja meminta bantuan dari anda?

- i. Ya

ii. Tidak

Kalau ada, apakah jenis bantuan yang diminta itu: _____

f. Adakah anak-anak anda memberi wang kepada anda atau lain-lain jenis bantuan: _____

g. Jika ada masalah, adakah anak anda memberitahu anda:

i. Ya

ii. Tidak

E. Hubungan dengan masyarakat setempat

a. Siapa yang tinggal berhampiran dengan rumah anda?

i. Jiran biasa

ii. Jiran yang rapat

iii. Saudara-mara

b. Jika anda sakit, siapa yang melawat anda?

i. Jiran dekat rumah

ii. Saudara-mara

c. Adakah anda berkunjung ke rumah jiran?

i. Ya

ii. Tidak

Sebab berkunjung/tidak berkunjung _____

d. Pernahkah anda meminta pertolongan dari jiran anda?

i. Ya

ii. Tidak

Kalau ada, dari segi apa: _____

e. Pernahkah anda serta gotong royong Ya/Tidak

f. Jika pernah apakah jenis pekerjaan gotong royong yang pernah anda sertai: _____

g. Adakah anda memasuki apa-apa persatuan: _____

Jenis-jenis Persatuan 1. _____

2. _____

3. _____

h. Sebab-sebab anda memasuki persatuan: _____

i. Adakah anda sertai parti politik Ya/Tidak

Jika ada parti apa? _____

Kenapa menyertainya? _____

F. Aspek Harta Dan Hak Milik

	Jumlah	Jenis	Beli	Warisan	Sewa	Lain-lain
a. Tanah						
b. Kebun						
c. Rumah						
d. Kereta						
e. Motosikal						
f. Basikal						
g. Perabot Rumah						
i. Peti Sejuk						
ii. Mesin Jahit						
iii. Radio						
iv. Televisyen						
v. Pita Rakaman						
vi. Lain-lain						
h. Binatang Ternakan						
i. Kerbau						
ii. Lembu						
iii. Ayam dan itek						
iv. Lain-lain						